

# SOROTAN DARAT

JURNAL TENTERA DARAT MALAYSIA  
THE HOUSE JOURNAL OF THE MALAYSIA ARMY




**STRUKTUR INFANTRI  
DI ABAD KE 21**

PERPUSTAKAAN ANGKATAN TENTERA  
13/2/1990  
KEMENTERIAN PERTAHANAN


# SOROTAN DARAT

APRIL 1990 JLD 1 BIL 17  
ISSN 0128-0171



## ARTIKEL KULIT MUKA

*Artikel kulit muka memaparkan peranan Infantri membentuk anggota tentera di abad ke-21*



## ARTIKEL

Struktur Infantri di Abad ke-21 .....	2
Rekreasi dan Pembentukan Individu .....	13
Anti Armor The Artillery Battle .....	23
Tertiary Education in the Officer Corps .....	29
Ke arah Meningkatkan Produktiviti Pegawai-pegawai Staf .....	34
Laporan Kajian Terhadap Pengetahuan Sikap dan Amalan Anggota, Tentera (Kor Polis Tentera) Mengenai Obesiti .....	46
Diving Density and RMN Standards .....	59

## TAHNIAH

Penyampaian Hadiah Artikel Terbaik Edisi Ke 16 .....	67
--	----

## JASAMU DIKENANG

Lkpl. Choo Wah Soon .....	68
Lt. Samaon bin Ahmad .....	69

## BERITA

Aktiviti 17 RAMD di Namibia .....	70
-----------------------------------	----

## ULASAN BUKU

AIDS: Plague or Panic .....	72
The Art of Deception in Warfare .....	73
Nuclear, Biological & Chemical Warfare .....	74



Suatu Pandangan

# Struktur Infantri

OLEH: MEL. MOHD ARRIFIN BIN CHE MD DIN

*"Dengan bertambahnya pengaruh teknologi, maka bertambah sukarlah keupayaan untuk hidup. Infantri di hari muka mestilah membuktikan yang mereka lebih unggul dan berkemampuan dari infantri di zaman silam. Mereka perlu bertempur dengan lebih cekap untuk berjaya dan terus hidup untuk bertempur lagi dalam semangat tradisinya (spirit of the bayonet) yang sebenar".*

- John English -

**A**bad ke-21 akan melahirkan satu dimensi baru bagi pasukan infantri. Pertempuran dijangka akan lebih sengit, kenyal dan sentiasa berubah. Medan peperangan akan meluas dan berkedalamandan manakala tindakan agresif akan berlarutan tanpa berhenti.

Semakin hebat pengaruh teknologi, semakin kuranglah peluang untuk terus hidup. Justeru itu pasukan infantri di abad ke-21 mestilah lebih berkemampuan daripada infantri di era yang silam.



Asas strategi TD berkisar kepada peranan infantri. Oleh yang demikian adalah baik jika anggota-anggota TD dilatih sebagai infantri dahulu sebelum dimasukkan ke kor masing-masing. Untuk memahami asas ini, biarlah diungkapkan peranan infantri, iaitu:

*"Untuk mencari dan merapati musuh, membunuh atau memusnahkannya, menawan dan menakluki kawasan serta menangkis serangan musuh pada siang hari atau malam tidak kira musim, cuaca mahupun bentuk rupa bumi".*

Daripada peranan ini dua rumusan boleh diperolehi. Pertama, unsur manusia akhirnya adalah unsur muktamat kejayaan perang (final arbiter). Fakta ini dikenalpasti. Kedua, adalah medan tempur di mana operasi itu dijalankan. Di Malaysia dan juga di Asia Tenggara, rupa bumi yang agak berbelantara, jelas cenderung kepada operasi pasukan infantri.

Faktor-faktor keadaan sekeliling, geografi, infrastruktur, demografi dan cuaca, kesemuanya merupakan unsur-unsur penting dalam penggubalan strategi TD. Malaysia mempunyai dua kawasan bumi yang dipisahkan oleh lautan, maka pengurusan pertahanan menjadi agak sulit. Kawasan sempadan di antara Malaysia dan Thailand juga boleh dikatakan sukar dipertahankan. Infrastruktur-infrastruktur yang membangun di negara ini, memberi erti bahawa pertempuran harus tidak berlaku di kawasan tersebut. Dengan ciri-ciri sedemikian, TD tidak mempunyai jalan lain melainkan mempertahankan sesuatu konflik di luar kawasan negara.

# i di Abad ke-21

Pada tahun 2000, Tentera Darat Malaysia akan kekal dengan kekuatan yang ada sekarang. Dengan adanya kekuatan ini di akhir abad ke-20, adakah kita berkemampuan menghadapi cabaran-cabaran dan gejala ancaman terutama di abad ke-21? Persoalan ini akan dikaji selanjutnya.

## STRATEGI TENTERA DARAT

Strategi Tentera Darat (TD) sememangnya berakar umbi dari Dasar Pertahanan Negara dan Strategi Angkatan Tentera<sup>2</sup>. Penggubalan strategi ini merupakan satu proses yang panjang di mana semua faktor-faktor dikaji dengan teliti dan mendalam.

## MEDAN TEMPUR DI ABAD KE-21

Berikut daripada Perang Dunia Kedua, tempoh perkembangan teknologi telah maju ke depan berlipat ganda. Perkembangan teknologi merupakan stimulus utama inovasi di medan tempur<sup>3</sup>. Selain daripada meningkatkan prestasi sesuatu peralatan, ia mempengaruhi teknik operasi sesuatu pasukan. Perkara-perkara yang menjadi hayalan dalam lingkungan 20 tahun dahulu kini menjadi kenyataan.

Dengan menggunakan 'terminal homing technology', sasaran sama ada statik atau bergerak boleh dimusnahkan dengan begitu tepat sekali<sup>4</sup>. 'Smart



*Penerjunan Tempur oleh Anggota Batalion Parachute*

'weapons' kini sudah menjadi 'brilliant weapons'<sup>5</sup>. Sistem rejangan (propulsion system) kini membolehkan sasaran dimusnahkan di jarak yang lebih jauh, dan 'conventional warheads' yang baru, boleh manaburkan butiran bom-bom kecil (bomblets) berjumlah ratusan biji ke sesuatu kawasan<sup>6</sup>. Bom-bom ini boleh memecah dan menembusi lapisan-lapisan armor. Kewujudan sistem 'surveillance' seperti AWACs kini menyulitkan unit-unit untuk berlindung dan bersembunyi. Teknologi elektronik pula boleh menambahkan kesan baik atau buruk kepada sesuatu pasukan. Dengan teknologi yang berkembang kini, bermakna, jika sesuatu sasaran itu boleh dilihat dan kedudukannya dikenalpasti, maka besarlah kemungkinan ia dapat dimusnahkan. Memang diketahui, bahawa ciri-ciri kemodenan ini tidak dapat diperolehi sendiri oleh negara kita, namun besar kemungkinan ianya boleh digunakan terhadap kita kelak.

Mengenali hakikat ini, peperangan di abad ke-21 dijangka condong ke arah berikut:

- \* Lebih kepada serangan mengejut.
- \* Peperangan tanpa berhenti dan berlarutan.
- \* Medan tempur yang luas dan berkedalaman.
- \* Peningkatan tumpuan kepada kombat di jarak dekat.
- \* Penentuan kejayaan tetap di kawasan tempur utama (Main Battle Area).

Demikianlah cabaran yang dihadapi di abad ke-21. Dengan keadaan sebegini maka besar kemungkinan, gejala-gejala ancaman ini cuma dapat diatasi oleh pasukan infantri, dengan menggunakan cara-cara tradisional mereka. Mereka adalah murah untuk disenggarakan dan hanya mereka lah yang dapat memusnahkan peralatan-peralatan sofistikated ini.

## STRUKTUR TENTERA DARAT

Setelah mengkaji secara mendalam akan faktor-faktor yang dihuraikan sebelum ini biarlah diramalkan bagaimana TD akan mengaturgerak pasukan-pasukannya semasa perang. Divisyen-divisyen akan mengaturgerak briged-brigednya ke kawasan hadapan bagi tujuan melambatkan, mamatah dan memusnahkan tempo musuh di peringkat taktikal.

Bagi mencapai konsep tempur ini, TD seharusnya mempunyai kemampuan-kemampuan berikut:

**Tindakbalas Serta-merta.** Mewujudkan satu pasukan yang mampu bertindak secara defensif semasa tercetusnya sesuatu konflik, atau diaturgerak ke kawasan yang terancam dalam masa yang singkat agar manfaat taktikal diperolehi. Sememangnya kemampuan ini memerlukan satu pasukan yang ringan terutama infantri, sama ada infantri biasa atau mekanise, digerakkan dengan kenderaan darat atau udara setiap masa.

**Kenyal.** Mewujudkan pasukan yang begitu kenyal yang boleh digunakan dengan berbagai pilihan dispektrum konflik yang serba anika.



*Anggota Batalion Mekanise Dalam Latihan*

**Serba Boleh.** Serba boleh beroperasi secara integrasi dengan sebarang pasukan atau perkhidmatan lain sama ada TLDM atau TUDM.

#### KAJIAN STRUKTUR INFANTRI

Kemampuan yang dihasratkan oleh TD mestilah dicapai oleh infantri, kalau tidak, oleh kor-kor lain yang akan digembelingkan bersama untuk mencapai satu taraf yang diimpikan oleh TD. Jika hasrat ini tidak boleh dicapai maka organisasi dan struktur kor boleh dikatakan pincang sama sekali.

Kita ketahui bahawa markas-markas formasi yang wujud sekarang adalah tidak mencukupi untuk

menghadapi peperangan. Strategis-strategis TD telah mengatakan bahawa kita memerlukan lebih daripada apa yang ada sekarang. Tetapi jika ini berlaku maka akan pincang pula ekonomi negara. Walau bagaimanapun di sini bukannya forum untuk memperdebatkan sama ada markas formasi akan bertambah atau berkurangan. Memadailah diterima bahawa jika markas-markas formasi bertambah atau berkurangan, maka unit-unit infantri yang integral haruslah bertambah atau berkurangan sepadan dengan jumlah formasi-formasi tersebut.

Di sini akan kita andaikan bahawa jumlah pasukan-pasukan infantri berkedudukan di taraf sekarang. Adalah wajar jumlah-jumlah yang ada



*Senjata Perangkin Kereta Kebal Batalion Bantuan*

sekarang disusun organisasinya sesuai dengan peranan dan konsep tempur TD yang dibincangkan di atas.

Seimbang pandang, anomali-anomali yang boleh diperhatikan dari pasukan infantri adalah seperti berikut:

**Kurang Kekenyalan Strategik.** Peranan yang paling berat bagi TD selepas tahun 2000 adalah menunjukkan satu kemampuan menentang ancaman ke atas kawasan-kawasan kepentingan negara di luar, dan di masa itu juga tidak mengkompromi kawasan-kawasan teras dalam negara. Batalion-batalion infantri kita adalah terlalu berat bagi deploymen ini. Memandangkan limitasi sumber-sumber udara dan laut, mengaturgerak satu pasukan yang berat adalah membebankan. Kelewatan deployment akan mengakibatkan kehilangan manfaat taktikal ataupun strategik.

**Kurang Daya Diteren Konvensyenal.** Pasukan-pasukan infantri sekarang kurang mempunyai aset-aset untuk mencegah rintang pihak lawan. Tambahan pula dengan aspek di atas di mana pasukan infantri adalah terlalu berat untuk diaturgerak, pasukan-pasukan yang lebih ringan adalah diperlukan.

**Ketidakseimbangan Pasukan Berat dan Ringan.** Menjelang tahun 2000, TD cuma mempunyai tiga batalion yang ringan (batalion Parachute) berbanding dengan jumlah 36 keseluruhannya. Walaupun batalion parachute ini didapati ringan

dari segi organisasi, paralatan dan struktur pengelompokannya, namun batalion parachute mempunyai peranan mutlaknya. TD memerlukan lebih batalion-batalion ringan bagi mendokong ‘how to fight concept’ yang disebutkan awal tadi. Berbanding dengan pasukan-pasukan berat, pasukan ringan ini adalah:

- \* Jauh lebih murah dan senang disenggara,
- \* Lebih sesuai untuk operasi-operasi di belantara, hutan rimba dan di pekan/bandar.
- \* Lebih berkesan untuk operasi-operasi di belakang kawasan tempur.
- \* Senang untuk diaturgerak.
- \* Lebih berkesan dan terlatih dalam operasi serbuan.
- \* Nisbah anggota tempur dan anggota bantuan lebih sepadan.

**Batalion Bantuan.** Batalion ini boleh dikatakan tidak sesuai langsung untuk TD<sup>8</sup>. Ini adalah satu-satunya batalion di mana peranan utamanya tidak seimbang dengan peranan infantri. Batalion ini cuma memainkan peranan bantuan. Batalion ini tidak boleh menjalankan operasi-operasi yang mutlak sepertimana batalion infantri biasa. Persenjataan dalam batalion adalah tidak sesuai lagi memandangkan cabaran yang dihadapi selepas tahun 2000.



Latihan Amfibi

**Kurang Daya Tembakan Anti-Tank.** Dalam batalion biasa sekarang, cuma terdapat lapan senjata antitank sahaja, tidak kira asset-asset tambahan dari luar. Secara sendiri, batalion adalah begitu rawan sekali kepada ancaman kereta kebal yang intensif. Jumlah ini harus ditingkatkan hingga galah ke tahap seksyen dan kualiti senjata pula haruslah setanding mengikut perkembangan semasa.

**Daya Tempur Seksyen Yang Tidak Efektif.** Daya tempur ini terlalu berkurangan terutama daya tembaknya dan jika dibiarkan secara berlarutan dalam sesuatu pertempuran, adalah dikhawatir seksyen ini tidak boleh bertahan lama. Harus diingatkan bahawa peperangan selalunya dimenangi atau dikalahkan oleh seksyen-seksyen infantri yang bertempur sebagai sebahagian daripada organisasi-organisasi yang lebih besar.

**Kerawanan Batalion Parachute.** Batalion ini adalah paling sesuai untuk digerakkan dengan sertamerta bagi tujuan merampas manfaat taktikal. Tetapi batalion ini kurang mempunyai sarana-sarana tembakan dan bantuan tempur. Justeri itu, segala bantuan tembakan, bantuan tempur dan bantuan logistik haruslah disediakan. Jika perlu ia harus dipusatkan di peringkat atasan, agar keringanan batalion ini tidak tergugat.<sup>9</sup>

**Batalion 'Un-Mekanise'.** Kenderaan-kenderaan batalion ini adalah tidak sesuai langsung untuk operasi mekanise. Organisasi batalion tidak mempamirkkan efek 'synergistic' dalam komponen 'combined arms'. Batalion ini sepatutnya, dan bukan briged harus dijadikan echelon yang terkecil untuk 'combined arms'. Semua kenderaan dalam batalion harus digantikan dengan kenderaan bergerunud (tracked) sesuai untuk peperangan mekanise. Batalion ini harus dibekalkan dengan sebilangan tank-tank sendiri bertujuan mempertahankan diri jika bersendirian<sup>10</sup>.

Dari anomali-anomali yang jelas di atas, maka adalah wajar struktur infantri disusun semula untuk menghadapi cabaran akan datang. Batalion infantri standard masakini haruslah dikekalkan bagi pertahanan kawasan teras. Batalion-batalion ringan pula perlu diwujudkan dan diubahsuai daripada batalion-batalion yang sedia ada. Walaupun jumlah ini belum dapat dipastikan (satu kajian berasingan adalah perlu) namun jika kita teka seimbang lalu, kekuatan satu briged adalah memadai. Pasukan-pasukan ringan ini akan menambahkan cegah rintang konvensyen dan modaliti strategik, yang kita berkurangan. Batalion bantuan adalah sesuai dibubarkan sama sekali dan aset-asetnya

diserahkan kembali kepada batalion infantri standard. Batalion mechanise memerlukan satu 'overhaul' yang lengkap manakala batalion-batalion parachute adalah dirasai mencukupi. Meningkatkan jumlah batalion parachute adalah dirasakan tidak begitu wajar dari segi ekonomi.

## STRUKTUR INFANTRI YANG DICADANGKAN

Seksyen Infantri yang dicadangkan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- \* Peningkatan sumber-sumber armor negara jiran memerlukan peningkatan kemampuan anti-tank.
- \* Bentuk rupa bumi akan mengurangkan keberkesanannya senjata jarak jauh termasuk senjata anti-tank. Ini bermakna jika pihak musuh harus dimusnahkan, kita perlulah merapatinya secara perlahan-perlahan dan 'in stealth'. Ini cuma boleh dilaksanakan oleh kumpulan kecil infantri secara berjalan kaki.
- \* Bentuk rupa bumi di negara di Asia Tenggara mewujudkan satu suasana di mana prinsip saling membantu di antara seksyen, platoon dan kompeni susah untuk dicapai. Oleh itu, kita memerlukan unit-unit kecil yang mempunyai daya tempur yang mencukupi untuk berdikari buat beberapa ketika.

Seksyen infantri yang diubahsuai mempunyai daya tempur yang secukupnya bagi menembak dan bergerak secara bersendiri. Kemasukan MGKA, LAW dan M203 akan meningkatkan daya tembak seksyen tersebut. Di mana terdapat ancaman kereta kebal, seksyen ini dapat mengendalikan peranan ini selaras dengan rancangan keseluruhan anti-tank. Seksyen-seksyen ini boleh juga diaturgerak sebagai kumpulan kecil untuk misi-misi bebas. Ciri-ciri yang penting dalam pengubahsuaiannya ini adalah dari aspek kekenyalan di mana seksyen ini mampu bertukar kumpulan sesuai dengan ancaman-ancaman yang serba berubah.

Pengubahsuaiannya ini adalah bagi semua batalion melainkan batalion mekanise yang cuma mengandungi 8 orang. Dua orang yang dikeluarkan adalah anggota MGKA dan pembantunya yang akan diambil alih oleh KGKA yang sedia ada di kenderaan mekanise sendiri. Kenderaan-kenderaan mekanise akan diagihkan mengikut organisasi kumpulan.

Dari segi platoon infantri, kemasukan satu detasmen MGKA ke markas platoon akan memberikan platoon tersebut ruang fleksibiliti untuk daya tembak. Kekuatan markas yang kini berjumlah 9 orang seperti di Rajah I boleh dijadikan satu seksyen sendiri jika perlu. Bagi

## MARKAS PLATUN INFANTRI

a.	Ketua Platun	-	Sabaltan
b.	Platun Sarjan	-	Sarjan
c.	Operator Radio	-	Prebet
d.	Pesuruh/Pelari	-	Prebet
e.	Ketua Mortar	-	Lance Koperal
f.	Krew Mortar	-	Prebet
g.	Ketua MGKA	-	Lance Koperal
h.	Penembak NO. 1	-	Prebet
i.	Penembak No. 2	-	Prebet

### RAJAH 1

platun-platun parachute, mekanise dan batalion ringan kekuatan sekarang patut dikekalkan. Bagi platun mekanise, markas platun akan dibekalkan satu APC. Tiada perubahan besar akan dibuat dalam struktur kompeni infantri.

Asas penyusunan semula infantri ini adalah berdasarkan kepada corak peperangan dan pembahagian peranan dan tanggungjawab. Kawasan tanggungjawab yang penting bagi infantri dalam corak peperangan TD adalah di kawasan hadapan dan juga kawasan teras negara kita. Di kawasan pertempuran hadapan, pasukan infantri akan menentukan bahawa sesuatu konflik itu berlaku jauh dari tanah air, manakala kawasan teras pula adalah nadi pertahan negara. Justeru itu, kemampuan-kemampuan berikut adalah diperlukan:

#### **Di Kawasan Hadapan.**

- \* Kemampuan mengaturgerak dan menyusun padan sejajar dengan konsep pertahanan depan.
- \* Kemampuan bagi pintasan.
- \* Kemampuan untuk attrition di mana bala angkatan musuh dibedil di jarak sedikit demi sedikit.

#### **Di Kawasan Teras**

- \* Kemampuan mengawal dan menyelamat segala pendekatan di kawasan teras.

- \* Kemampuan diteren dalam ertikata menonjolkan keupayaan untuk mencegah rintang sebarang gejala ancaman.
- \* Kemampuan pergerakan 'inter-theatre'.
- \* Kemampuan menyanggah sebarang ancaman dalam.
- \* Kemampuan operasi udara dan amfibi secara terhad.
- \* Kemampuan mobilisasi pantas bersesuaian dengan konsep pertahanan menyeluruh di mana satu kompeni infantri boleh diperbesarkan menjadi satu batalion dalam masa yang singkat.

### **INTEGRASI ESET INFANTRI**


Bagi briged parachute, ini merupakan satu eksesai yang mudah. Briged ini adalah di bawah PTD manakala di masa perang, briged ini diletakkan di bawah divisyen yang bertanggungjawab di kawasan taktikal depan.

Bagi briged mekanise, peraturannya serupa dengan briged parachute. Namun begitu briged ini seharusnya berlatih dan beroperasi seiring dengan formasi armor.

Bagi briged-briged ringan, campuran pasukan-pasukan berat dan ringan akan mewujudkan satu kesan 'synergistic' di mana satu, dapat berganding bahu dengan yang satu lagi. Deployment pasukan ringan untuk membuka jalan dan mengurangkan beban pasukan berat bagi pertempuran utama yang menentukan

Dalam batalion infantri biasa, akan terdapat 4 kompeni repal, satu kompeni markas dan satu kompeni bantuan.

### CADANGAN INFANTRI BIASA



**RAJAH 2**

kemenangan, adalah satu konsep integrasi yang diidam-idamkan.

Pasukan infantri ringan tidak seharusnya diperintah di peringkat formasi. Operasi infantri ringan adalah sesuai sekali di peringkat batalion sahaja. Pasukan-pasukan ini seharusnya diaturgerak sebagai sebahagian daripada perancangan formasi atasan. Jika perlu, pasukan ini boleh digabungkan bersama formasi-formasi biasa memandangkan:

- \* Pasukan ringan boleh diaturgerak dengan cepat tetapi kurang daya tahan apabila diaturgerak.
- \* Bantuan logistik pasukan ringan adalah berkurangan.
- \* Pasukan berat memerlukan pasukan ringan bagi tugas-tugas tertentu contohnya pengutipan perisikan serta melepaskan pasukan berat daripada tugas-tugas remeh.

Walaupun kedua-dua pasukan ini saling memerlukan mereka juga harus berlatih beroperasi sen-

dirian. Dengan itu pasukan ringan boleh diasingkan dari formasi berat.

Dari segi organisasi untuk integrasi, satu formasi berat di peringkat briged akan mengandungi dua batalion infantri biasa dan satu batalion ringan. Di peringkat divisyen, akan terdapat tiga briged yang mempunyai struktur yang sama (bukan dua briged berat dan satu ringan). Jika diperlukan pasukan-pasukan ringan ini boleh diasingkan untuk dijadikan satu briged ringan.


### PENUTUP

Penyusunan semula infantri bagi abad ke-21 berkisar kepada empat pasukan infantri iaitu batalion standard, mekanise, parachute dan batalion infantri ringan. Pasukan ringan adalah satu perkara baru, diwujudkan bagi mengadakan mobiliti taktikal. Batalion bantuan pula sepatutnya dibubarkan.

Dalam proses penyusunan semula satu eksesais integrasi dijalankan bagi tujuan mencapai kesan 'synergistic' di kalangan eset-eset infantri. Penyusunan ini juga bertujuan memberikan kemampuan paling minimum, mungkin bagi menghadapi sebarang cabaran


Ketiga-tiga batalion yang lain cuma akan mempunyai tiga kompeni tempur sahaja.

### CADANGAN INFANTRI MEKANISE




RAJAH 3

### CADANGAN INFANTRI PARACHUTE



RAJAH 4

### CADANGAN INFANTRI RINGAN



**RAJAH 6**

atau kontigensi dengan mengambil kira ekonomi negara. Sehubungan dengan penyusunan semula ini, organisasi-organisasi seperti Jabatanarah Infantri dan Sekolah Infantri harus juga disusun semula.

Dengan penyusunan semula struktur infantri di abad ke-21 ini, adalah diharapkan konsep 'cili padi' -

walaupun kecil tetapi pedas; dapat diwujudkan dengan lebih mantap dan menyeluruh. Justeru itu, kita haruslah merenung dan menghayati konsep ini dengan lebih mendalam agar kor Infantri khasnya dan Angkatan Tentera Malaysia amnya sentiasa disegani dan kekal sebagai tuggak pertahanan negara.




*Setelah tamat latihan di RMA Sandhurst, Mej Mohd Ariffin telah ditauliahkan ke dalam Kor Rejimen Askar Melayu DiRaja. Beliau pernah berkhidmat di 7 RAMD, PULADA STPM, 6 RAMD dan DTD - Rancang sebelum menjalani Kursus Staf di Haigate. Kini beliau adalah Pegawai Staf di Bahagian Perancangan Pertahanan, KEMENTAH.*

#### NOTA KAKI

1. Rancangan Tentera Darat Tahun 2000.
2. Dasar Pertahanan Negara.
3. Stefan Geisenheyer, "Infantry Tomorrow", Asian Defence Journal, 10/82, ms 38.

4. John Mearsheimer, PRECISION GUIDED MUNITIONS AND CONVENTIONAL DETERRENCE, pg 842.
5. Ibid, ms 904.
6. Glen K Otis, THE ENORMOUS RESPONSIBILITIES OF PREVENTING WORLD WAR III, pg 89.
7. Ibid, ms 342.
8. Kol Ismail Salleh.
9. Seminar Batalion Parachute di MTAT pada 13 Apr 88.
10. Seminar Batalion Mekanise di MTAT pada 4 Nov 88.

**REKREASI  
DAN  
PEMBENTUKAN  
INDIVIDU**



MEJ SYED KHALID BIN SYED MAHMOOD

Masa itu emas dan jika digunakan untuk aktiviti yang berfaedah ia akan memberi banyak kebaikan. Di zaman serba moden, kita terlalu sibuk dengan pekerjaan harian. Jika terdapat sedikit kelapangan, biasanya kita lebih suka menghabiskan masa tersebut dengan kegiatan yang memberikan manfaat serta berkesan kepada individu. Ada berbagai cara kita memenuhi masa lapang iaitu samada kita melibatkan diri dalam aktiviti sukan, membaca, menceburkan diri dalam hobi yang diminati ataupun bersiar-siar untuk ketenangan fikiran bagi melupakan sejenak kesibukan pekerjaan harian. Walau apapun yang dilakukan kita masih memerlukan ruang masa untuk rekreasi walaupun masa yang diperolehi itu terhad.

Dalam bidang ketenteraan, kita sememangnya tidak lari daripada keperluan rekreasi. Malah bidang ketenteraan sangat-sangat mementingkan rekreasi sebagai satu aspek kebajikan yang sentiasa diberi penekanan di setiap lapisan pemerintahan, cuma bentuk rekreasi yang ditekankan adalah berbeza serta bercirikan kepada pembentukan daya fizikal dan mental bagi membentuk etika keperibadian individu bersesuaian dengan keperluan sebagai anggota tentera. Aktiviti rekreasi yang biasa diceburi adalah bidang sukan, kesenian, seni mempertahankan diri dan aktiviti

yang meliputi kemahiran yang ada hubungan dengan profesyen ketenteraan. Rancangan-rancangan yang diatur di dalam kegiatan-kegiatan seperti yang dinyatakan di atas sememangnya sentiasa digalakkan dan diberi dorongan kepada tiap-tiap anggota. Satu perkara yang dipertikaikan serta diragui ialah rancangan kegiatan sukan yang dianjurkan tidak mendapat sambutan dan penglibatan yang sepenuhnya daripada anggota-anggota. Jika ini adalah keadaannya, apakah rancangan lain yang boleh kita cadangkan supaya masa rekreasi yang sedia ada dapat menyediakan kegiatan yang boleh memberi faedah kepada perkembangan diri, serta menambah pengetahuan anggota-anggota mengenai organisasi ketenteraan.

#### PENDEDAHAN AWAL

Pendedahan awal kepada kegiatan rekreasi ialah semasa di sekolah di mana murid-murid digalakkan untuk melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum. Di sinilah mulanya proses pembentukan peribadi dan juga kepimpinan sehingga mereka menamatkan persekolahan. Malangnya proses pembentukan ini terbantut apabila mereka mulai memasuki institut yang lebih tinggi dan seterusnya pupus apabila mereka mendapat pekerjaan atau kerjayanya. Perkara ini ketara

apabila mereka memilih kerjayanya dalam bidang ketenteraan. Kecuali dalam jenis sukan yang tertentu biasanya sukan yang popular sahaja mendapat sambutan, manakala kegiatan rekreasi yang lain tidak begitu mendapat sambutan yang baik. Apa yang lebih mengecewakan ialah galakan dan dorongan daripada pertubuhan itu sendiri sangat berkurangan dan kadang-kala tidak langsung mendorong mereka untuk terus bergeriat dalam bidang aktiviti yang diminati.

Bagi memupuk sikap dan minat terhadap kegiatan rekreasi yang berfaedah dan berkesan, pusat-pusat latihan dalam TD, khususnya yang melatih dan mengeluarkan bakal pegawai patut menyediakan rancangan menggalakkan rekreasi masa lapang Program-program yang dirancangkan boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada masa latihan ataupun boleh juga diadakan pada masa cuti pendek iaitu di luar masa latihan sebenar. Kegiatan rekreasi yang teratur merupakan salah satu aspek penting pembinaan akhlak, kecerdasan tubuh badan dan daya kreativiti, juga sifat kepimpinan dapat dipupuk. Sifat-sifat yang diperlukan jika diasuh dan digalakkan serta diberi bimbingan dalam memilih aktiviti rekreasi yang bersesuaian, dapat meningkatkan lagi tahap perkembangan individu itu sendiri.

John Dewey seorang ahli falsafah moden menyatakan bahawa "*education has no more serious responsibility than making adequate provision for enjoyment of recreational leisure not only for the sake of immediate health, but still more if possible for the sake of its lasting effect upon habits of the mind*". Apa yang ditekankan di sini adalah masa lapang kira dapat digunakan dengan berkesan dan seimbang jika ada pem-

bahagian penggunaannya dengan baik serta teratur supaya memberi faedah yang maksimum.

Sehubungan dengan ini adalah dirasakan bahawa aktiviti rekreasi yang boleh memberikan faedah seperti mengembara samada dilakukan secara berjalan atau menaiki kenderaan adalah sangat berkesan bagi mengasah daya kreativiti dan juga inisiatif individu. Aktiviti seperti ini boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan. Aktiviti ini sememangnya memberi kesan yang baik kepada mereka yang melakukannya.

Sekiranya sesuatu aktiviti pengembaraan itu dilaksanakan secara kumpulan, aspek-aspek kepimpinan yang dipraktikkan adalah lebih mencabar terutamanya dalam situasi penting yang memerlukan keputusan yang bijak dan boleh diterima oleh semua. Di sinilah lahirnya kekuatan daya pemikiran serta keupayaan mempengaruhi pendapat dan keazaman anggota kumpulan untuk mengharungi halangan dan cabaran yang mungkin dihadapi. Walau apapun tindakan yang diambil kepimpinan akan sentiasa dicabar serta dipersoalkan dalam apa jua keputusan yang diambil. Dalam keadaan yang sedemikian seorang pemimpin yang dilantik itu mestilah berkeupayaan untuk memimpin anggota-anggotanya dengan menanamkan semangat setiaawan dan kerjasama serta saling membantu di antara satu sama lain demi menjayakan aktiviti pengembaraan secara kumpulan.

Walau apa pun aktiviti yang hendak kita lakukan persiapan adalah satu faktor yang penting dalam menentukan kejayaan sesuatu rancangan. Sebelum pengembaraan, persiapan yang rapi dan teliti akan membantu kejayaan pengembaraan ini. Persiapan yang



*Mengembara secara berkumpulan merupakan aktiviti rekreasi yang mencabar*



*Mendaki memerlukan bimbingan terlebih dahulu*

dimaksudkan termasuklah persiapan peralatan, kecerdasan fizikal serta rancangan perjalanan yang akan ditempuhi. Bagi aktiviti pengembalaan yang memerlukan kemahiran seperti menggunakan kayak, mendaki gunung atau menjelajah dengan berbasikal skuba dan payung terjun, anggota mestilah terlebih dahulu didedahkan kepada latihan dan penggunaan peralatan serta mengendalikannya untuk baik pulih jika berlaku apa-apa kerosakan. Anggota-anggota yang terlibat seharusnya bersedia menghadapi beberapa risiko dan sebarang kemungkinan yang akan berlaku dalam aktiviti yang mereka ceburi.

#### SUMBANGAN TERHADAP INDIVIDU

Kesan positif yang diperolehi daripada aktiviti pengembalaan ini memanglah banyak. Selain daripada dapat mempertingkatkan keyakinan pada diri sendiri, kecekapan mental dan ketahanan fizikal, seseorang juga menjadi lebih matang dalam memimpin sesuatu kumpulan. Ini dapat diperolehi daripada pengalaman dan pendedahan yang mereka alami semasa melakukan pengembalaan. Selain daripada perkara-perkara yang disebutkan di atas, anggota yang terlibat akan berpeluang belajar serta melihat suasana dan tempat yang belum pernah mereka kunjungi. Ini memberi peluang kepada anggota tersebut untuk mengetahui dengan lebih jelas latar belakang penduduk tempatan, adat resam, sistem pentadbiran dan sosio-ekonomi tempat tersebut. Pengalaman baru ini akan membantu mereka memimpin anggota-anggota di dalam satu-satu organisasi dan juga meningkatkan kerjaya mereka kemudian hari.

Aktiviti pengembalaan ini juga akan dapat mewujudkan semangat kerjasama dan setiaikawan yang tinggi

di dalam sesuatu kumpulan. Ini adalah disebabkan kejayaan sesuatu aktiviti pengembalaan tidak akan dapat dicapai dengan usaha seorang sahaja. Ia dapat dicapai dengan kerjasama dan semangat semua anggota dalam kumpulan tersebut. Aktiviti pengembalaan ini jelas mempunyai banyak kebaikan. Adalah kurang tepat jika kita menganggap aktiviti pengembalaan ini membazir dan tidak memberi apa-apa faedah. Pandangan ini boleh dikukuhkan dengan pendapat Bentrand Russel yang berbunyi seperti berikut, "*That education should aim, in part, at providing tests which would enable a man to use leisure intelligently*".

Di negara kita terdapat banyak pertubuhan pihak swasta dan badan berkanun yang mempunyai kelab pengembalaannya sendiri. Kelab ini ditubuhkan tidak lain adalah untuk tujuan rekreasi luar di samping membina kecergasan fizikal, menanam semangat percaya kepada diri sendiri dan meningkatkan interaksi sosial di kalangan anggota-anggota.

Angkatan Tentera Malaysia mempunyai beberapa buah pusat latihan untuk melatih bakal pegawai berkhidmat dalam ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera. Memandangkan kebaikan yang diperolehi daripada aktiviti pengembalaan ini adalah perlu program latihan pegawai kadet yang meliputi aspek membina daya kepimpinan yang tinggi, meningkatkan daya inisiatif, menguji ketahanan fizikal dan mental, dan mewujudkan semangat kerjasama dan setiaikawan, melibatkan juga aktiviti pengembalaan ini. Jika sekiranya perkara ini mengganggu peruntukan masa untuk pelajaran ketenteraan, ia boleh dilaksanakan pada cuti penggal atau cuti-cutum umum. Aktiviti seperti ini akan menambahkan lagi pengalaman pegawai kadet



*Aktiviti berkayak memerlukan kecergasan fizikal*

sebagai bekalan apabila mereka ditauliahkan. Aktiviti pengembalaan yang diadakan di peringkat awal tidak seharusnya memerlukan kepakaran atau perbelanjaan yang tinggi tetapi memadailah dengan pengembalaan seperti mendaki gunung, berbasikal menjelajah negara, berakit dan berkayak. Aktiviti seperti ini akan menambahkan lagi keyakinan seseorang pegawai kadet.

Sebagai kesimpulan, pengembalaan adalah satu aktiviti yang amat berkesan bagi membantu daya kepimpinan seseorang di samping juga memberikan pengalaman-pengalaman baru dan sebagai satu rekreasi yang sangat berfaedah.



*Mej Syed Khalid bin Syed Mahmood telah ditauliahkan ke dalam Kor RAMD setelah tamat latihan di Officer Cadet School Portsea Australia pada tahun 1971. Beliau lulus dari MTAT pada tahun 1982. Beliau pernah bertugas sebagai Jurulatih di PULADA dan Pegawai Staf 2 di KEMENTERAH. Kini beliau adalah salah seorang Jurulatih Kanan Pengambilan Pegawai Kadet Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi, Kuala Lumpur.*

#### Nota Kaki

1. Dewey, John. **Democracy and Education -The Introduction to the Philosophy of Education**. New York: The Mac Millian Co., 1957, P. 241.
2. Bertrand, Russel. **In Praise of Idleness** London: The Free Press, 1958., p. 104.

# An Introduction to Frequency MANAGEMENT



MEJAR CHOW YUN KAI

*The advance in technology has greatly influenced the design and manufacture of military telecommunication equipment. Most people have heard of Frequency Management when talking about military telecommunications but few know the technicalities involved. Even fewer know the importance or urgency it attaches itself to the field of good radio-communications.*

*To the user, it seems that all he has is to request for a frequency and it will be given to him. But to the Frequency Manager the task of frequency management in terms of allocating, allotting and assigning frequencies is monumental. Judicious frequency management is the key to augment the modern radio-communication equipment so that military commanders will be able to exercise their functions of command and control. After all, without communications all you command is your desk.*

## INTRODUCTION

The theory of electromagnetic waves began in the early 19th Century when Michael Faraday demonstrated that a local magnetic field would be produced by an electric current. In 1864, James Clerk Maxwell proved mathematically that an electrical disturbance could produce an effect at a considerable distance from the point at which it occurred. He also predicted that magnetic energy could travel outwards from a source as waves.

In 1888, Heinrich Hertz proved the above to be true. Hertz's experiments also proved that waves travelled in a straight line and that they could be reflected by a metal sheet just as light is reflected by a mirror. In 1895, Marconi invented the prototype radio capable of transmitting and receiving messages over several miles, all without the use of intervening wires. Till today radio-communication is sometimes called wireless-communication.

## FREQUENCY SPECTRUM

The electromagnetic spectrum is the entire distribution of electromagnetic waves according to their frequency and wavelength. This spectrum is more commonly known as the Frequency Spectrum. It includes all electric and radio waves, microwaves, infra-red radiation, visible light, ultra-violet radiation, X-rays, Gamma-rays and lastly electromagnetic cosmic rays.

There is thus only one Frequency Spectrum for mankind. All users, by they civil or military, of electromagnetic radiation are compelled to use and share this commodity. The spectrum is a key resource as certain parts of it are attractive for communication and will always draw strong competition when biddings are made in these parts. Frequencies allocated and assigned should not cause harmful interference between users of different countries.

The spectrum is divided arbitrarily into a number of bands ranging from Very Low Frequency (VLF) to Super High Frequency (SHF) bands. The complete division is given in Table I.

## INTERNATIONAL TELECOMMUNICATION UNION

The International Telecommunication Union (ITU) is the specialized agency under the United Nations Organization (UNO) and is responsible for telecommunications world-wide. It has its humble beginning in 1865 as the International Telegraph Union. There was great excitement during this period as the telegraph and the Morse codes were invented. One year later in 1866 the first trans-Atlantic cable was laid linking Europe and the New World. The present ITU came into being in January 1934.

The purpose of the ITU are enshrined in its Constitution and these are:

- \* To maintain and extend international cooperation between all members of the Union for improvement and rational use of telecommunications of all kinds, as well as to promote and to offer technical assistance to developing countries in the field of telecommunications.
- \* To promote the development of technical facilities and their most efficient operation with a view to

Class (a)	Frequency Range (b)	Wavelength (c)
Very Low Frequency (VLF)	3 to 30 KHz	100,000 to 10,000 meters
Low Frequency (LF)	30 to 300 KHz	10,000 to 1,000 meters
Medium Frequency (MF)	300 to 3,000 KHz	1,000 to 100 meters
High Frequency (HF)	3 to 30 MHz	100 to 10 meters
Very High Frequency (VHF)	30 to 300 MHz	10 to 1 meter
Ultra High Frequency (UHF)	300 to 3,000 MHz	1 meter to 10 centimeters
Super High Frequency	3 to 30 GHz	10 to 1 centimeter

Note that the wavelength and the frequency are inversely proportional to each other and the relationship is expressed as

$$\frac{\text{Wavelength} = \text{Velocity of Light}}{\text{Frequency in Mega-Hertz (MHz)}}$$

where the velocity of light is a constant at  $300 \times 10^6$  meters per second.

Table I

improving the efficiency of telecommunication services, increasing their usefulness and making them, so far as possible, generally available to the public.

- \* To harmonize the actions of nations in the attainment of these ends.

In so far as the ITU is concerned, it is the world's coordinating body on all telecommunication matters. As such its decisions and resolutions are not binding on all members and associate members. However members and associate members have exercised great understanding and restraint, especially in radio-communications where the Frequency Spectrum is the only commodity to be shared and used by all. It is through this spirit of goodwill, cooperation and co-ordination that the ITU is made effective and telecommunications is available to all.

At the same time there are members who reserve the rights to take actions as they deem necessary to safeguard their national interests. The world of electronic warfare and its counter measures falls within the realm of these rights but is outside the scope of this article.

#### **INTERNATIONAL FREQUENCY REGISTRATION BOARD**

The ITU is organized into the Plenipotentiary Conference, the Administrative Conferences (for radio

telegraph and telephone) the Administrative Council and the Permanent Organs. Amongst the four Permanent Organs is the International Frequency Registration Board (IFRB); the others being the Secretariat, the CCIR and the OCITT.

The IFRB comprises 5 members only who are all experts in the field of telecommunications. Once chosen, these members serve not as representatives of their countries, or a region, but as custodians of an international trust. They are not allowed to receive instructions from any person, government nor are they allowed to take part in any branch of telecommunications except the work of the IFRB.

The IFRB is mainly responsible for deciding whether radio frequencies which countries assigned to their radio stations, and which they notified to the Board, are in accordance with current instructions and will not cause harmful interference to other stations. Once approved the frequencies are registered and thus obtain formal international recognition and protection. The Board will also investigate cases of harmful frequency interference reported to it and will make recommendations to solve the problems.

For many of us who are in one way or another associated with telecommunications, we often hear that for the allocation of frequencies, the world is divided into 3 regions. These regions are given in Table 2.




Table 2

Some common terms used in Frequency Management are:

**Frequency Allocation.** A frequency is allocated by type of service e.g. Fixed, Mobile, Aeronautical, etc.

**Frequency Allotment.** A frequency is allotted by region or countries, e.g. 5.430 MHz to 5.480 MHz in the HF band is allocated for Fixed, Aeronautical Mobile or Fixed, Land Mobile services and the frequencies are allotted to Region One and Region Three.

**Frequency Assignment.** A frequency is assigned to a particular station within the country to which is allotted the frequency, e.g. 7.295 MHz in the HF band is assigned to one of the radio networks of RTM in central Peninsular Malaysia.

**Telecommunications.** Any transmission, emission or reception of signs, signals, writing, images and sounds or intelligence by any nature of wire, radio, visual or other electromagnetic systems.

**Assigned Frequency.** The centre of the frequency band assigned to a station.

**Harmful Interference.** Any emission, radiation or induction which endangers the functioning of a radio-navigational service or of any safety services or seriously degrades, obstructs or repeatedly interrupts a radio-communication service operating in accordance with current Radio Regulations (1975).

#### FREQUENCY INTERFERENCE

Having just defined "harmful interference" let us delve further into the subject of frequency interference. It is recognized that there would be some form of interference, no doubt unintentional, by virtue of the fact that users share a common Frequency Spectrum. Therefore, coordination is vital to ensure that telecommunications is effective for all, especially when allocating, allotting and assigning frequencies. This could be done in what is termed as 'non-interference basis'. Intentional frequency interference does occur by one's adversary but this also deprives him the use of those frequencies.

The ITU has stipulated that harmful interference should be eliminated. Steps taken include:

- \* All stations are forbidden to carry out unnecessary transmissions.
- \* The transmission of superfluous signals and correspondence.
- \* The transmission of signals without identification.

All stations shall radiate only as much power as necessary to ensure a satisfactory service. In order to avoid harmful interference,

- \* Locations of transmitting and receiving stations shall be selected with particular care.
- \* The use of directional antennae shall be maximized.
- \* The choice and use of transmitters and receivers shall be in accordance with stipulated instructions.

All interference shall be reported. Having determined the source and characteristics of the interference, the transmitting station shall endeavour to eliminate or reduce the interference taking into consideration the following factors:

- \* Adjustments of frequencies.
- \* Equipment including the antenna systems.
- \* Time sharing.
- \* Change of channel within multi-channel equipment.

#### FACSMAB

The acronym, FACSMAB, may be familiar to many people, especially to those who have to deal with and operate radios. To the uninitiated, it is "Frequency Assignment Committee Singapore, Malaysia and Brunei. Aside from knowing what the initials stand for, how many do know how this body came about and the important roles it plays in radio-communications in the three countries.

In recognizing the importance of coordinating the telecommunication requirements of the region, the British Colonial Office established the Telecommunications Board South East Asia in 1947. This was a permanent coordinating committee and comprised the following:

- \* Governor of the Malayan Union.
- \* Governor of Singapore.
- \* Governor of the British North Borneo.
- \* The Chief Commander of the Forces in the area.

This Telecommunication Board helped to coordinate planning and development of telecommunications in the area. It also liaised with the telecommunication boards of neighbouring countries on the allocation of radio frequencies for radio-communication channels affecting Southeast Asia.

The Telecommunication Board had a sub-committee known as the Frequency Allocation Committee. This sub-committee met regularly to deal with frequency coordination matters. The Secretariat of this sub-committee was based in Singapore.

Political changes were soon taking place in the area. In 1957, Malaya became independent. Inspite of this, the telecommunication services of Malaya and Singapore were headed by the Director-General of Telecommunications, Malaya. Also the Telecommunication Board and the Frequency Allocation Committee were still considered essential for the coordinating of the telecommunication services of the fledgling nation and the colonies. The Director-General of Telecommunications, Malaya was then named the Chairman of the coordinating committee, albeit under revised Terms of Reference.

The revised Terms of Reference were agreed to with the approval of the Governments of Malaya, Singapore, Sarawak and British North Borneo and Brunei. The coordinating committee was renamed the Telecommunication Coordinating Committee (TCC) and its sub-committee, the Frequency Assignment Committee Malaya, Singapore, Sarawak, British North Borneo and Brunei (FACMAB).

The constitutions and memberships of the TCC and the FACMAB underwent further changes with the formation of Malaysia in 1963 and the subsequent separation of Singapore from that federation in 1965. FACMAB was then renamed FACSMAB. When the British started to pull out from the area in 1969, membership to FACSMAB was extended to the military sectors of the respective countries.

The FACSMAB shall be responsible to the TCC for the coordination of all frequency matters within the region bounded by the three countries. Towards this end, FACSMAB shall comprise one member each from the following:

- \* Telecommunication Authority of Singapore (Telecoms)
- \* Ministry of Defence, Singapore (Mindef)
- \* Jabatan Telekom Malaysia (JTM). This now is undertaken by/in conjunction with Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB).
- \* Kementerian Pertahanan, Malaysia (Kementah).
- \* Jabatan Telekom Brunei (JTB).
- \* Armed Forces, Brunei.

With the approval of the Chairman, members may invite any other person to be in attendance for any particular subject under discussion.

The Chairman of the FACSMAB shall be the Chief Executive of the Authority responsible for the tele-

communication services of the host country, or his nominated representative. The Chairman shall hold office for the period of the meeting.

There will be one Permanent-Secretary and the Secretariat will be based in Singapore. As such it is a "fait accompli" that the post of the Permanent-Secretary is responsible for the preparation of the agenda and minutes of meetings of the FACSMAB, for issuing amendments to the FACSMAB Register and for the issuing of new volumes of the FACSMAB Register from time to time. He is also responsible for guarding the interests of party/parties not represented at any Committee meetings, when requested by the party/parties concerned.

The FACSMAB shall meet monthly. Meeting shall be held in Singapore, Malaysia and Brunei. The venue of each meeting shall be determined by the Committee members.

Frequencies will in normal circumstances be registered with FACSMAB before they are coordinated with international organizations and/or registered with ITU except where frequencies are assigned by the ITU's World Administrative Radio Conference.

Frequencies required for specific periods and "on test" registration are to be on a three month basis and will not be recorded in the FACSMAB Register, but printed on a separate list attached to the minutes of meetings which will be carried forward to subsequent minutes. At the end of the three month period, they will be deleted.

Members should only register frequencies which they are using or have firm intentions of using and should delete all frequencies which they no longer require.

Registration of visiting Armed Forces frequencies shall be the responsibility of the Armed Forces of the host country concerned. The registration would indicate the code of the host Armed Forces concerned with the words of the visiting forces annotated in the registration format. For the Five Power Defence Arrangement Forces, the Malaysian Armed Forces is responsible to coordinate all frequency requirements. These are sometimes called J5 Frequencies.

#### **FREQUENCY MANAGEMENT IN THE MALAYSIAN ARMED FORCES**

Good reliable communications are essential to a commander to enable him to command and control his forces effectively. In the Malaysian Armed Forces, the Regiment of Signals is responsible for providing the communications required, especially those required by the Army.

Di Departmen Tentera Darat beberapa Cawangan dan Jabatanarah didapati gigih mencuba program ini. Cawangan Perancangan dan Pembangunan (P&P) yang pada peringkat permulaan dilantik menjadi agensi fasilitator untuk memperkenalkan program Pengukuran Produktiviti kepada TD, telah mengamalkan program ini sehingga ke hari ini. Alhamdulillah, program ini nampaknya telah dapat menghasilkan beberapa perubahan dari segi peningkatan prestasi pegawai-pegawai staf dan staf-staf bawahannya Cawangan P&P.

Artikel ini bertujuan untuk meninjau semula program Pengukuran Produktiviti di samping mendedahkan pengalaman Cawangan P&P dalam pelaksanaan program ini ke arah mewujudkan pegawai staf yang produktif.

## APAKAH PRODUKTIVITI

Produktiviti kerap dikaitkan dengan:

- \* pengeluaran yang tinggi
- \* kerja kuat
- \* kerja yang bermutu
- \* pendapatan yang lebih
- \* taraf hidup yang tinggi

Secara teknikalnya gambaran-gambaran seperti di atas sebenarnya tidak menghampiri maksud produktiviti. Ungkapan-ungkapan di atas adalah merupakan faktor penyumbang terhadap produktiviti, tetapi bukanlah produktiviti sebenarnya.


Konsep produktiviti sendiri berbeza-beza di antara sebuah negara ke sebuah negara yang lain, daripada satu badan kepada badan yang lain, daripada satu peringkat kepada satu peringkat yang lain. Kita biasa dengan konsep produktiviti yang dipelupuri oleh perintis ekonomi seperti Francois Queray, Adam Smith dan Karl Marx yang menggambarkan produktiviti dalam bentuk tanah, buruh dan modal.<sup>1</sup> OECD, ILO dan EPA mempunyai definisi masing-masing.<sup>2</sup> Japanese Productivity Centre atau dengan ringkasnya JPC menekankan aspek teknikal produktiviti dan melihat produktiviti fizikal buruh sebagai:<sup>3</sup>

$$* \frac{\text{Input}}{\text{Output}}$$

Model pengukuran produktiviti bagi Perkhidmatan Awam Malaysia menggunakan model ini dengan juga memberi penekanan kepada produktiviti buruh atau "labour productivity".

## KAEDAH SISTEM DALAM PRODUKTIVITI

Untuk memahami hubungan output dan input dalam produktiviti, model kaedah sistem atau "System Approach" seperti di **Rajah 1** digunakan.



Rajah 1 - Kaedah Sistem

Sumber: Panduan Teknikal Program Pengukuran Produktiviti Bagi Perkhidmatan Awam.

Kaedah sistem ini menerangkan bahawa sesuatu organisasi adalah mengandungi pelbagai komponen dan setiap komponen berinteraksi di antara satu sama lain dan memberi nyawa kepada organisasi tersebut ke arah pencapaian matlamatnya. Merujuk kepada Rajah 1 di atas, input adalah sumber-sumber yang ada di dalam organisasi tersebut dan di dalam dunia perniagaan ianya kerap di rujuk sebagai "The 4M (men, money, material and method)". Output pula ialah hasil yang dikeluarkan daripada proses pertukaran (conversion). input-output organisasi. Output membayangkan sasaran sesebuah organisasi yang ditetapkan berpandukan kepada objektif organisasi atau kepada sistem tersebut. Objektif-objektif ini digubal daripada sebab kewujudan (*raison d'être*) organisasi yang berkenaan. Hasil adalah kesan daripada output dalam usaha memenuhi objektif.

Dalam kaedah sistem ini terdapat satu sempadan yang jelas di antara sistem dengan komponen sekitaran. Komponen-komponen sekitaran ini memberi kesan kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam sistem tersebut.

Kita ambil satu contohnya yang mudah, iaitu Syarikat Proton sebagai satu sistem.

Output (01) :	Kereta Proton Saga 1.5
Objektif (02) :	Untuk mengeluarkan 120,000 Proton 1.5 bagi tahun 1989
Hasil/Kesan :	Penjualan kereta Proton 1.5 yang laris dan memberi kepuasan kepada pembeli

Dalam sektor swasta, konsep produktiviti kerap menerangkan bahawa nisbah produktiviti

$$\frac{O}{I} = \frac{01 + 02 + 03}{I}$$

Ini mungkin menimbulkan beberapa isu. Dalam sektor swasta terdapat satu korelasi yang tinggi di antara output, objektif dan hasil/kesan. Contohnya, jika Proton Saga 1.5 dikeluarkan dengan sempurna (output), dalam kuantiti yang dirancang (objektif) dan laris dijual (kesan), Syarikat Proton mendapat keuntungan dan kerap keuntungan diertikan sebagai produktiviti. Pada amnya, walaupun ini benar, dari satu sudut pandangan lain pula keuntungan tidak semestinya bermakna produktiviti. Dalam produktiviti paras output/keuntungan pada masa sebelumnya mesti dibandingkan dan keuntungan lain yang mengeluarkan output yang agak sama perlu diambilkira.

#### KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN

Terdapat dua konsep utama yang mempunyai kaitan yang rapat dengan produktiviti. Konsep-konsep

ini ialah konsep kecekapan (efficiency) dan konsep keberkesanan (effectiveness). Ada yang mengatakan bahawa pengukuran  $\frac{\text{output}}{\text{input}}$  hanyalah pengukuran kecekapan. Ini tidak tepat kerana dalam konsep produktiviti satu faktor yang sama penting ialah keberkesanan. Untuk menjelaskan teori ini kita ambil contoh dua orang jurutaip. Jurutaip A mampu menulis 30 surat, tiap-tiap satu mempunyai purata 600 perkataan, dalam tempoh satu hari kerja. Pada normalnya dia dianggap seorang jurutaip yang cekap, jika dibandingkan dengan Jurutaip B yang hanya mampu menulis 20 surat dalam jangka masa yang sama. Bagaimana jika Jurutaip A pada setiap surat yang ditaip melakukan purata 10 kesalahan manakala Jurutaip B bebas dari sebarang kesalahan? Di sini jelas bahawa Jurutaip B, walaupun kurang cekap, adalah lebih berkesan daripada Jurutaip A.

Oleh yang demikian, konsep-konsep kembangkan kecekapan (the conversion ratio) dan kecekapan (the quality ratio) adalah termaktub di dalam konsep produktiviti. Secara amnya bolehlah dikatakan bahawa

$$\text{Produktiviti} = \text{kecekapan} \times \text{keberkesan}$$

Seorang pegawai mungkin cekap tetapi dia tidak semestinya berkesan.

#### KAEDAH PENGUKURAN PRODUKTIVITI PEGAWAI STAF - CAWANGAN P&P

**Langkah Pengukuran Produktiviti.** Model pengukuran produktiviti bagi Perkhidmatan Awam menetapkan lima langkah atau peringkat seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 2 berikut:


Model ini melibatkan dua peringkat iaitu perancangan dan pelaksanaan. Peringkat perancangan mempunyai dua langkah iaitu:

- \* Langkah 1 - Pembentukan Objektif Operasi (OO)
- \* Langkah 2 - Pembentukan Indikator Produktiviti


Peringkat pelaksanaan juga mempunyai dua langkah iaitu:

- \* Langkah 3 - Pengumpulan data dan pengukuran produktiviti
- \* Langkah 4 - Penilaian

**Organisasi Cawangan P&P.** Sebelum diterangkan pengalaman Cawangan P&P di dalam program pengukuran produktiviti ini perlu dijelaskan struktur

**Rajah 2 - Model Pengukuran Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam**

Sumber: Panduan Teknikal Program Pengukuran Produktiviti Bagi Perkhidmatan Awam.

**Rajah 3 - Organisasi Cawangan P&P**

organisasi dan fungsi Cawangan ini. **Rajah 3** berikut memberi ringkasan struktur dan organisasi Cawangan P&P, setakat keanggotaan pegawai sahaja.

Tumpuan pembaca adalah kepada Sel Struktur kerana sebahagian besar contoh adalah diambil daripada pengalaman Sel Struktur ini.

**Fungsi.** Fungsi dan tanggungjawab Cawangan P&P boleh diringkaskan seperti berikut:

- \* Bertanggungjawab kepada Panglima Tentera Darat terhadap semua aspek perancangan Tentera Darat yang meliputi strategi, struktur, pembinaan dan peralatan.
- \* Menggubal dan merancang strategi Tentera Darat yang merangkumi doktrin dan konsep perangungan darat.
- \* Merancang struktur kekuatan, organisasi dan peranan yang bersesuaian hasil daripada penilaian doktrin yang dirumuskan.
- \* Menetapkan saluran pemerintahan, designasi dan penempatan pertubuhan itu.
- \* Merancang penjadualan dan pengesahan pembangunan kem-kem termasuk teknikal, infrastruktur rumah keluarga dan kemudahan-kemudahan latihan.
- \* Merancang penjadualan dan pengesahan dalam rancangan perolehan peralatan.
- \* Menyediakan anggaran pembangunan dan menguruskan peruntukan yang diterima.
- \* Bertanggungjawab kepada PTD untuk menyengarakan hal-hal yang berkaitan dengan JPP.

### PEMBENTUKAN OBJEKTIF OPERASI

**Ciri.** Langkah pertama dalam model pengukuran produktiviti ialah pembentukan objektif operasi yang perlu mempunyai tiga ciri utama iaitu:

- \* Apa yang hendak dicapai dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur.
- \* Mempunyai jangkamasa untuk pencapaian, lazimnya dalam jangka satu tahun.
- \* Mampu dicapai.

Berasaskan ciri-ciri di atas, Cawangan P&P telah membentuk Objektif Umum (OU) dan OO. Penggubal-

an ini dilakukan secara sumbangsaran (brainstorming). Assisten Panglima dan ketua-ketua Sel memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan objektif sesebuah organisasi, sel dan individu.

Dalam OO Cawangan ini, OO bagi Sel Struktur dan Sel Pembangunan telah jelas ditetapkan di tersenarai di dalam OO Cawangan. Jika ini belum atau tidak dilakukan maka sel-sel ini perlu pula menggunakan OO terperinci, khusus bagi sel-sel tersebut.

**Prestasi Sasaran (Target Performance).** Langkah seterusnya ialah untuk menentukan pembahagian tug di kalangan pegawai staf. Ini dilakukan dalam bentuk prestasi sasaran, yang sebenarnya adalah objektif objektif pencapaian bagi setiap individu. Bagi Sel Struktur pembahagian tugas ditetapkan oleh PS Struktur berpandukan kepada piagam-piagam pejawatan pegawai staf di bawahnya melaksanakan sesuatu tugas khas. Prestasi sasaran mengandungi bentuk tugas dan tarikh tugas tersebut perlu dilaksanakan. Senarai tugas-tugas dalam prestasi sasaran ini bukan digubal serentak, tetapi ianya adalah kumulatif sehingga hujung tahun apabila prestasi sasaran untuk tahun semasa ditutup dan prestasi sasaran untuk tahun berikutnya digubal. Apabila satu-satu tugas yang tersenara diisipkan, tarikh siap dicatatkan di bawah tulisan "Tarikh disiapkan".

### PEMBENTUKAN INDIKATOR PRODUKTIVITI

**Jenis Kerja.** Langkah kedua dalam pengukuran produktiviti ialah pembentukan indikator produktiviti. Untuk tujuan ini jenis kerja atau bentuk tugas mestinya dikenalpasti. Pada amnya kerja-kerja dalam sesuatu organisasi boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu

- \* Kerja-kerja berbentuk prosesan (process work).
- \* Kerja-kerja berbentuk pengetahuan (knowledge work).

**Kerja-kerja Berbentuk Prosesan Kegiatan.** Kegiatan yang berbentuk proses ini mempunyai pusingan tertentu di mana pusingan yang sama diulang setiap masa. Biasanya kerja-kerja yang berbentuk ini mudah diukur dan norma masa yang tepat boleh diwujudkan. Contoh-contoh jawatan yang melibatkan kerja-kerja prosesan ialah jurutaiip, kerani fail, pekerja-pekerja pengeluaran dan sebagainya.

**Kerja-kerja Berbentuk Pengetahuan.** Kerja-kerja di dalam kategori ini lebih mengutamakan proses pemikiran. Walaupun ianya juga mempunyai pusingan untuk diselaraskan, setiap pusingan adalah tidak sama

antara satu sama lain. Tugas-tugas pegawai staf adalah jelas berbentuk kerja pengetahuan, misalnya tugas-tugas perancangan, belanjawan, penyelidikan, khidmat nasihat, penggubal dasar dan doktrin dan sebagainya. Untuk perbincangan di sini kita hanya menumpukan kepada produktiviti dalam konteks "knowledge work". Aktiviti-aktiviti Cawangan P&P adalah pada amnya melibatkan "knowledge work",

**Masa Sebagai Indikator Produktiviti.** Model pengukuran yang dicadangkan untuk tugas-tugas yang bercirikan "knowledge work" ialah Model Pengurusan Masa yang melibatkan "Reviewing of priorities of daily work load, setting and resetting of priorities and allocating time according to those priorities".<sup>5</sup> Dalam model pengurusan masa ini, yang difikirkan amat sesuai bagi peningkatan produktiviti pegawai staf, indikator

produktiviti  $\frac{\text{output}}{\text{input}}$  ialah:

- \* Output - Masa yang digunakan untuk menjalani satu-satu tugas.
- \* Input - Keseluruhan masa yang ada pada setiap hari kerja.

Misalah input masa bagi pegawai-pegawai kerajaan (tidak masuk masa makan tengahari) ialah:

Hari Isnin - Khamis	-	420 minit
Hari Jumaat	-	360 minit
Hari Sabtu	-	285 minit

**Klasifikasi Tugas.** Tiap-tiap aktiviti yang dilakukan dikategorikan di bawah A, B dan C seperti berikut:

- \* **Kategori A** - Aktiviti-aktiviti yang menyumbang secara langsung terhadap pencapaian OO dan prestasi sasaran. Bagi Sel-sel Struktur Cawangan P&P tugas-tugas seperti kajian perjawatan perbincangan terhadap paras kekuatan, kajian konsep pertahanan dan sebagainya adalah di dalam kategori A.
- \* **Kategori B** - Aktiviti-aktiviti yang boleh dianggap tugas rasmi kerana adalah diarah atau perlu dilaksanakan tetapi tidak menyumbang terhadap pencapaian OO dan prestasi sasaran. Contoh aktiviti-aktiviti kategori B bagi staf-staf Cawangan P&P ialah memberi syarahan produktiviti kepada cawangan-cawangan lain, menjadi pegawai pengiring bagi pegawai kanan tentera asing yang melawat Malaysia, menjadi Ahli Jawatankuasa Pertandingan Golf TD, Ahli Tim Penulis Simposium Panglima Kanan ATM dan sebagainya.
- \* **Kategori C** - Ini meliputi aktiviti-aktiviti yang peribadi seperti pergi ke bank, melayan tetamu persendirian di pejabat, menjamu selera dalam masa kerja, menghantar anak ke rumah sakit dan sebagainya.

## PENGUMPULAN DATA

**Syt Pengurusan Masa.** Pengumpulan data merupakan langkah ketiga dalam model pengukuran produktiviti. Bagi Cawangan P&P, kegiatan-kegiatan harian dicatatkan ke dalam borang Catatan Output iaitu satu borang pengurusan masa, seperti di **Rajah 4** seperti yang ditunjukkan.

NAMA: .....

TARIKH: .....

SIRI	MASA												GARIS	KATEGORI			CATATAN
	8	9	10	11	12	1	2	3	4	A	B	C					
1																	
2																	
3																	
4																	
5																	
6																	
7																	
8																	
9																	
10																	

PEG PENGESAHAN

KETUA FASILITATOR

Rajah 4: Borang Catatan Output

Nama:


Tarikh:

SIRI											KATEGORI A   B   C	CATATAN
	8	9	10	11	12	1	2	3	4			
1.	←→	CLEAR FIRST SIGHT (A)									60	A = 480 - 154%
2.	←→	DISCUSSION WITH AP ON THE STR OF MED (B) (A)									45	420
3.	←		→	DRAFT INSTR ON							120	
4.	BRAINSTORM AMONG STAFF		←		→ (A)						75	
5.	LUNCH	BREAK		←		→						B = 60 = 14%
6.	DISCUSSION WITH PS 1 ARTY PROJECT (B)											420
7.	CONTINUE DRAFT INSTR ARTY RTY (TA) (A)					←→					180	180
8.							←→				60	C = 0
9.												
10.												

PEG PENGESAHAN

KETUA FASILITATOR

Rajah 5: PENCATATAN OUTPUT BAGI PS 1 STRUKTUR



## NOTA

- █ AKTIVITI A
- █ AKTIVITI B
- █ AKTIVITI C

Rajah 6: Ringkasan Penggunaan Masa Bulan

Penggunaannya adalah mudah. Setiap aktiviti utama dicatakan mengikut masa aktiviti itu dijalankan dan di bawah kategori-kategori tugas tertentu. Sebelum bersurai daripada kerja, jumlah masa yang digunakan untuk setiap kategori aktiviti (indikator input) dihitung dan dibahagikan dengan jumlah masa yang ada pada hari itu (indikator output). Hasilnya ialah peraturan pencapaian output dari segi pengurusan masa. Lihat contoh penggunaan masa untuk menghasilkan output bagi PS 1 Struktur di **Rajah 5**.

#### Penilaian

Pengubalan objektif dan prestasi sasaran, pembentukan indikator produktiviti dan pengumpulan data tidak bermakna jika maklumat-maklumat tersebut tidak dianalisis. Penilaian adalah langkah ke empat dalam pengukuran produktiviti dan adalah fasa yang dianggap terpenting.

Dalam penilaian ini data-data penggunaan masa dikumpulkan pada satu jangkamasa. Bagi Cawangan P&P ini dilakukan setiap satu bulan dengan mencampurkan peratusan output harian mengikut kategori kerja bagi setiap hari untuk tempoh 30/31 hari. Lihat **Rajah 6** bagi penilaian penggunaan masa Cawangan P&P.

Maklumat-maklumat di dalam contoh di **Rajah 7** mempamirkan kecekapan seseorang pegawai staf dalam penggunaan masa. Antara lain **Rajah 7** membayangkan:

- \* Hampir ke semua pegawai staf di Cawangan P&P bekerja lebih masa.
- \* Bilangan masa untuk aktiviti kategori B adalah agak tinggi bagi semua pegawai staf. Paling tinggi dicatitkan oleh Mej E kerana penglibatan beliau

NAMA PEGAWAI:

TARIKH:

BIL	TARGET	BULAN MAC HINGGA JUN 1989															
		1				2				3				4			
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1.	MENYEDIAKAN KERTAS JPP PENUBUHAN DIVISYEN STRATEGIK DAN ARAHAN ABGI DIV STRATEGIK TD.																
2.	MENYEDIAKAN KERTAS PERJAWATAN PENYUSUNAN SEMULA DTD																
3.	DAN SETERUSNYA																
4.																	
5.																	
6.																	

■ RANCANGAN

□ PENCAPAIAN

Rajah 7: Borang Pencapaian Performance Target

di dalam pengendalian kertas-kertas JPP yang tidak tersenarai di dalam OO. Begitu juga dengan Kapt J, Kapt K dan Pn L yang telah diarah oleh pegawai-pegawai atasan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas yang tidak menyumbang kepada pencapaian OO Cawangan.

- \* Semua pegawai terlibat dengan aktiviti-aktiviti C, tetapi dikadar yang minima.

Adakah ringkasan penggunaan masa dapat mempamirkan produktiviti seseorang? Walaupun **Rajah 7** dapat mempamirkan kecekapan seseorang pegawai staf dari segi penggunaan masa, belum lagi menjamin peningkatan produktiviti. Yang penting di dalam produktiviti ialah pencapaian. Seperti yang diterangkan lebih awal:

$$\text{Produktiviti} = \text{Kecekapan} \times \text{Keberkesanan}$$

Di sini analisis pencapaian perlu dilakukan dengan mengesas pencapaian Prestasi Sasaran bagi setiap pegawai staf. Borang pencapaian performance target seperti di **Rajah 8** berikut boleh digunakan. **Rajah 8** jika dilengkapkan sepenuhnya sebenarnya mempamirkan secara grafik maklumat-maklumat seperti di **Jadual 1** setelah maklumat-maklumat "Tarikh Disiapkan" telah ditetapkan.

Seperti yang telah dimaklumkan lebih awal lagi setiap aktiviti yang dirancang di dalam prestasi sasaran untuk setiap individu, tarikh terlaksananya setiap tugas perlu dicatatkan. Pegawai staf yang sentiasa dapat memenuhi setiap "date line" disamping mencapai penggunaan masa yang berkesan bolehlah dianggap sebagai pegawai staf yang efisien dan efektif dan oleh itu produktif.

Bagaimanapun kegagalan mencapai 'date line' tidak sentiasa bermakna pegawai staf yang berkenaan tidak cekap. Mungkin terdapat sebab-sebab di luar kewalan dan dugaan yang menyebabkan kegagalan mencapai prestasi sasaran. Dalam kaedah sistem yang telah diterangkan, kita telah membincangkan faktor-faktor sekitaran yang boleh menjelaskan kelincinan pentadbiran dan pencapaian sesuatu sistem. Bagi Cawangan P&P yang sentiasa terlibat dalam bahagian-bahagian awam KEMENTERAH seperti Pembangunan, Dasar dan Naziran dan juga dengan agensi-agensi pusat seperti Perbadanan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancangan Ekonomi, pencapaian OO Cawangan akan terjejas jika agensi-agensi ini tidak menyokong keperluan-keperluan TD yang ditaja oleh Cawangan P&P.

Soal mutu kerja adalah terandai dalam model ini. Jika seseorang pegawai staf menghasilkan kerja yang

kurang bermutu adalah diandaikan bahawa kerja akan ditolak di peringkat atasannya. Jika ini berlaku pencapaian prestasi sasaran akan tergugat kerana pegawai staf yang berkenaan terpaksa melaksanakan semula tugas-tugas yang telah ditolak.

## TINDAKAN EKORAN

Penilaian yang dihasilkan perlu diterjemahkan kepada tindak-tanduk yang boleh mempertingkatkan produktiviti individu. Langkah utama yang diambil oleh semua staf ialah mengenalpasti aspek-aspek pembazir masa. Dalam hal ini pegawai-pegawai staf perlu menumpukan tenaga terhadap perlaksanaan tugas-tugas kategori A, kerana tugas-tugas ini sahaja yang dapat menyumbang pencapaian OO. Bagi tugas-tugas dalam kategori B, walaupun kegiatan-kegiatan sedemikian mustahil dapat dikikis sama sekali (kerana dia matlamat pegawai staf ialah mencuba mengurangkan penggunaan masa untuknya ataupun memberi keutamaan yang rendah). Aktiviti-aktiviti dalam kategori C seboleh-bolehnya dihapuskan sama sekali. Langkah-langkah ekoran lain untuk mempertingkatkan produktiviti termasuklah:

- \* Membahagi sama rata tugas-tugas di kalangan staf.
- \* Mengurangkan beban kerja pegawai-pegawai staf yang didapati bekerja terlampaui kerja (overwork).
- \* Membahagi tugas mengikut kecenderungan dan kelekapan/ kebolehan seseorang staf. Tetapi mungkin bercanggah dengan piagam perjawatannya. Tetapi boleh dilakukan sekali-sekali bagi tugas-tugas khas.
- \* Mengkaji prestasi sasaran - mungkin prestasi sasaran seseorang pegawai staf terlalu 'ambitious' sehingga sukar dicapai.

Di samping itu Cawangan P&P di mesyuarat strategik mengadakan sesi 'brainstorm' untuk mencari kaedah yang paling sesuai untuk menguruskan kerja dengan cekap dan berkesan dan dengan itu meningkatkan mutu kerja dan pada akhirnya produktiviti.

## PENCAPAIAN ORGANISASI

Setakat ini kita telah dapat membincangkan pencapaian dan produktiviti bagi individu iaitu perbandingan di antara penggunaan masa, dan pencapaian prestasi sasaran. Penggunaan masa membayangkan kecekapan seseorang individu manakala pencapaian prestasi sasaran membayangkan keberkesanannya seseorang individu atau organisasi.

Bagaimana pula pencapaian organisasi? Di hujung tahun penilaian sesuatu organisasi adalah diasaskan

kepada pencapaian OO. Sebenarnya sebuah organisasi tidak perlu menunggu hujung tahun untuk mendapat bayangan pencapaian.

Setiap suku tahun staf boleh meneliti pencapaian setakat itu bagi setiap OO yang digubal. Strategi-strategi tertentu seterusnya diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikesan supaya pencapaian OO di hujung tahun tidak terjejas.

Pencapaian OO bagi Cawangan P&P setakat pertengahan tahun ini adalah di tahap yang menggalakkan. Perancangan dan perlaksanaan projek-projek pembangunan berjalan dengan lancar dan peruntukan DE untuk tahun 1989 dijangka akan dapat dibelanjakan sepenuhnya. Beberapa masalah mungkin dihadapi dari segi mendapat waren perjawatan kerana pihak agensi pusat didapati tidak dapat memenuhi keperluan TD mengikut perancangan.

Pada amnya dapat dikatakan di sini bahawa program pengukuran produktiviti ini telah dapat menghasilkan di Cawangan P&P, antara lain.

- \* Satu sistem kerja yang teratur dan mudah diurus.
- \* Penggunaan dan pengakaunan masa yang cekap.
- \* Matlamat pencapaian secara objektif setiap individu.
- \* Satu sistem mengesan kelemahan staf.
- \* Pembahagian tugas yang lebih berkesan.

#### BEBERAPA PANDUAN UNTUK PENGURUSAN MASA YANG LEBIH CEKAP

Setelah mencuba modal pengukuran produktiviti ini hampir dua tahun beberapa pelajaran telah diperolehi. Pelajaran-pelajaran ini perlu dijadikan panduan supaya pengurusan masa di kalangan pegawai-pegawai staf ke arah mewujudkan suasana kerja yang kondusif dapat menghasilkan pencapaian yang tinggi. Antara panduan-panduan yang dicadangkan ialah:

##### Kefahaman dan Penglibatan Semua Peringkat

Semua pihak terutamanya ketua-ketua Cawangan/bahagian perlu faham seratus peratus konsep psosuktiviti, tujuan dan aspirasi produktiviti. Kefahaman ini perlu digembelingkan kepada komitmen untuk menghasilkan "The 3 wills".<sup>6</sup>

- \* Political Will - Penglibatan Ketua.

- \* Administrative Will - Penglibatan Organisasi.
- \* Individual Will - Penglibatan setiap individu.

Tanpa kefahaman dan komitmen seorang ketua nescaya program ini akan menjadi hidup segan mati tak mahu.

**Mewujudkan Keutamaan.** Pengurusan masa adalah pada asasnya diutamakan. Kerja dan aktiviti harian jika disenaraikan mungkin memerlukan lebih dari 24 jam sehari untuk membereskannya. Di sini "top to bottom approach" dari segi penentuan keutamaan dicadangkan. Dalam hal ini penumpuan adalah kerana tugas-tugas kategori A. Ketua-ketua mesti berani untuk mengenepikan, malah menolak jika perlu, tugas-tugas di kategori B, di samping menghapuskan samasekali kegiatan-kegiatan kategori C dalam masa kerja.

**Arahan Yang Kemas dan Teliti.** Dari segi pengurusan masa arahan yang tidak kemas akan menyebabkan staf bawahan kadangkala terpaksa "meneka" keperluan sebenar. Kerapkali kerja awal yang dihasilkan ditolak dan terpaksa dibuat semula. Ini membuang masa. Untuk mengelakkan gejala ini ketua-ketua atau pegawai staf atasaran perlulah:

- \* Mengelakkan daripada membuat arahan yang samar-samar, atau terlalu ringkas.
- \* Jangan membuat komen yang tidak difikir dengan mendalam, kerana apabila diambil tindakan jelas kemungkinan idea tersebut tidak praktikal dan masa telah dibazirkan.
- \* Memberi panduan dalam bentuk "Do's and Don't" supaya staf dapat bertindak tanpa keraguan.

**Pegawai Kanan Boleh Menerima Taklimat Lisan.** Terdapat kebiasaan bagi setengah pegawai-pegawai Kanan untuk menerima taklimat dalam bentuk tulisan. Jika semua taklimat perlu dalam bentuk tulisan, bayangkan masa yang diperlukan oleh staf untuk menyediakannya. Taklimat lisan adalah paling sesuai, misalnya, untuk menerangkan keputusan mesyuarat yang dihadiri, sementara menunggu minit mesyuarat dikeluarkan. Dalam hal ini pegawai-pegawai kanan perlu mewujudkan sistem kerja yang boleh mengurangkan "unnecessary paper work".

**Elakkan Daripada Beraksi Secara Keterlaluan (Over-reacting).** Kadangkala pegawai-pegawai tertinggi seperti PTD atau TPTD mengeluarkan pendapat yang seolah-olah memerlukan kajian staf. Ketua-ketua Cawangan atau Pengarah Kor perlulah meneliti dahulu samada pendapat yang dikeluarkan

betul-betul memerlukan kajian serta merta. Jika seseorang ketua "over-react", beliau akan mengembangkan semua staf di bawahnya untuk menghasilkan serta kajian kemungkinan, misalnya. Alangkah ruginya jika didapati selepas itu PTD/TPTD sebenarnya tidak memerlukan kajian itu.

**Elakkan Duplikasi Tugas.** Samada disedari atau tidak sering terdapat ketua-ketua memberi arahan yang sama kepada lebih daripada seorang staf untuk diambil tindakan. Akibatnya, lebih daripada satu orang akan melaksanakan satu tugas yang boleh dilakukan oleh seorang pegawai staf sahaja. Kadangkala pula sesuatu cawangan didapati melaksanakan tugas yang sepatutnya dilaksanakan oleh cawagnan lain. Kerjasama dan interaksi rapat di antara Cawangan/Jabatanarrah perlulah dipupuk.

**Pembahagian Tugas Secara Saksama.** Ketua-ketua mempunyai kecenderungan untuk memberi beban kerja yang banyak kepada pegawai staf yang cekap dan boleh diharapkan, sedangkan pegawai-pegawai staf yang kurang cekap hanya diberi tugas-tugas ringan. Keadaan sedemikian patut dielakkan.

**Penentuan Bidang Kerja.** Masanya telah sampai untuk setiap jawatan diberi "joint specifications" atau Penentuan Bidang Kerja. Antara lain "job specifications" mempamirkan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan dan kualiti dan kelulusan yang sepatutnya terdapat kepada bakal penyandang jawatan tersebut. Jika job specification wujud, maka masalah pegawai staf yang "misfit" untuk satu-satu jawatan dapat dielakkan.

**Perhubungan Dua Hala.** Ini amat penting bagi pegawai-pegawai staf supaya wujud satu aliran maklumat yang bebas. Sebarang perbincangan mestilah terbuka dan ikhlas.

**Pegawai Staf Kanan Juga Perlu Produktif.** Pegawai-pegawai staf kanan di peringkat kolonel dan PS 1 perlu kerap melaksanakan tugas-tugas staf tertentu, seperti penyediaan kertas kerja yang agak rumit. Di peringkat DTD Kolonel dan PS 1 perlu menganggap diri mereka bekerja seperti lembu (workhorses) yang sepatutnya mampu mengeluarkan mutu kerja yang tinggi sepadan dengan pengalaman dan kelulusan mereka.

**Mewujudkan Sekitaran Yang Sihat.** Cara-cara untuk mewujudkan sekitaran yang gembira dan mendorong bukanlah satu yang baru bagi TD. Namun begitu aspek ini kerap diabaikan kerana keghairahan ketua-ketua untuk memperolehi hasil dalam masa yang singkat melalui pengabdian staf. Antara aspek-aspek yang perlu diberi perhatian ialah:

- \* Pengakuan atau recognition melalui puji-sokongan pangkat/pingat/kursus seberang dll.
- \* Cuti termasuk cuti panjang hujung minggu pa rekod.
- \* Interaksi sosial di kalangan staf dan keluarga.
- \* Pemupukan semangat berpasukan.
- \* Sukan.
- \* Sesi dialog untuk membincangkan masalah profesional dan masalah peribadi.
- \* Komitmen kepada nilai dan amalan Islam.
- \* Mengelakkan daripada menyalahgunakan sifat.

**1. Otomasi Pejabat.** Penggunaan komputer misalkan dapat membantu staf dalam pengurusan kerja dan pembaziran masa. TD berharap penggunaan komputer di seluruh unit TD akan tercapai pada tahun 1990.

## PENUTUP

Peningkatan produktiviti pegawai staf dapat dicapai melalui sistem pengurusan masa yang cekap. Modal pengukuran produktiviti bagi kerja-kerja berbentuk pengetahuan seperti pegawai staf adalah diasaskan kepada model pengurusan masa. Ia melibatkan empat langkah iaitu, penggubalan objektif, pembentukan indikator produktiviti, pengumpulan data dan penilaian.

Pengalaman Cawangan Perancangan dan Pembangunan TD selama hampir dua tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa modal pengukuran produktiviti yang diubahsuai sedikit daripada model yang dipelopori oleh Perkhidmatan Awam adalah sesuai diamalkan tanpa membebankan seperti yang kerap diperkatakan. Model ini dapat menghasilkan pegawai staf yang sentiasa peka kepada penggunaan masa, melaksanakan tugas dengan berorientasi matlamat dan mewujudkan suasana kerja yang sihat.

Kejayaan model ini bergantung kepada komitmen dan keinginan ketua-ketua, organisasi dan individu. Dalam hal ini peranan ketua amatlah penting. Tanpa penglibatan ketua secara positif, produktiviti akan kehilangan dengan status cakap di mulut (lips service) sahaja dan hasrat kerajaan untuk menerapkan program ke dalam perkhidmatan akan menemui jalan buntu.



*Kol Abd Aziz Hassan telah dinauliahkan ke dalam Rejimen Artileri pada 12 Dis 1965. Beliau kini bertugas di bangunan DTD, sebagai Pengarah Artileri. Beliau telah menghadiri beberapa kursus di seberang laut dan tempatan, termasuk kursus Gunnery Staff dan MTAT. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (kepujian) dari USM dalam bidang Sains Politik, Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Diploma Pengajian Islam dari UKM. Kol Abd Aziz adalah fasilitator produktiviti bagi Departmen Tentera Darat dan ahli Jawatankuasa Perunding Produktiviti Kementerian di Peringkat pengenalan program ini kepada Kementerian Pertahanan, khususnya Tentera Darat pada 1987 dan 1988.*

#### Rujukan

1. Back, Arthur C & Hillmar, Ellis D'. What Manager Can Do To Turn Around Negative Attitudes In An Organization", **Management Review**, 1984.
2. Chester, Insko A. **Theories of Altitude Changes**, New York: Appleton Centary Crofts, 1967.
3. Duran, D.E. & Schoen, S.H. **Supervision-The Management of Organizational Resources**. New Jersey: Prentice Hall Inc. Eaglewood Cliffs, 1973.
4. Gibson, J.L., Ivancevich J.M and Donelly H.D. **Organization, Behaviour, Structure, Processes** Texas: Business Publication Inc., 1976.
5. Lipsey, T.G. **An Introduction to Positive Economics**. UK: ELBS & Weidenfield & Nicolson, 1975.
6. OCED (**Organization for Economic Cooperation and Development**) - Productivity is equal to output divided by one of its production elements. ILO (**International Labour Organization**) - Products are produced as a result of the integration of 4 major elements ie, land, capital, labour and organization. The ration of these elements of productions is a measure of productivity. EPA (**European Productivity Agency**) - Productivity is the degree of the effective utilisation of each productive elements.

Sumber : Productivity - Some General Aspects -

Nota Syarahan Puan Hajah Marzidah binti Hj Mahmud dari Institut Tadbiran Awam.

7. Ibid.
8. Todes, J.L. Meckinney & Furgesso J. **Management and Motivation - An Introduction to Supervision**. New York: Harper & Row Publishers, 1977.



# LAPU TERHA DAN A (KOR P MENG)

Kapt Maz

## Pendahuluan

P erkembangan dan pembangunan sesuatu organisasi adalah bergantung kepada pekerja-pekerja yang sihat, dan dapat menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Sebagai sebuah organisasi berpakaian seragam Angkatan Tentera Malaysia menghendaki anggota-anggotanya sentiasa berada dalam keadaan cergas dan sihat. Kecergasan diri bergantung juga kepada berat badan yang bersesuaian dengan ketinggian tubuh.

Pengarah Kor Polis Tentera pernah mengatakan bahawa anggota-anggota Polis Tentera yang gemuk (obese) tidak dapat diarahkan untuk melakukan tugas-tugas perbarisan kehormat ("ceremonial parade"), atau dihadapkan semasa acara-acara resmi kerana mereka akan nampak janggal apabila berpakaian resmi oleh sebab kegemukan (obesiti) mereka. Ini telah menyebabkan ketidakadilan dalam pembahagian tugas kerana terpaksa memilih hanya anggota-anggota yang berbadan tegap dan langsing untuk melakukan acara-acara tersebut. Setiap kali pemilihan dibuat, anggota yang sama juga yang diketengahkan. Keadaan ini telah menimbulkan hasrat Pengarah KPT untuk mengadakan kursus mengenai kaedah hidup sihat di Ulu Yam, Selangor bagi anggota-anggota KPT yang dipilih berdasarkan pengukuran 'Body Mass Index' mereka.

Umumnya telah diketahui bahawa obesiti adalah satu faktor yang mendorong risiko terhadap perkembangan beberapa penyakit seperti penyakit jantung,

kencing manis dan sebagainya. Obesiti juga mempunyai hubungan dengan morbiditi yang didaftarkan, dengan penyakit-penyakit yang dilapurkan dan juga penggunaan ubat dan pengubatan sesuatu penyakit. Walaupun seseorang itu tidak ada penyakit, kegemukan yang berlebihan boleh mengakibatkan kehilangan keyakinan diri dan mengganggu pekerjaan hariannya.

Kebanyakan penyelidikan tentang obesiti dijalankan di negara-negara membangun di mana prevalensnya sangat tinggi. Walau bagaimanapun negara-negara sedang membangun juga mempunyai masalah tersebut. Penyelidikan overnutrisi di Malaysia masih di peringkat awal lagi dan hanya 3 penyelidikan telah dilapurkan setakat ini<sup>4,5,6</sup>.

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mencari hubungan di antara obesiti. Secara amnya, penilaian terhadap pengetahuan, sikap dan amalan yang dijalankan menerusi soal kajiselidik dapat memberi gambaran secara kasar untuk mengetahui masalah-masalah anggota dalam mencari penyelesaian terbaik terhadap isu obesiti. Walau bagaimanapun, gambaran ini mungkin tidak dapat memberi penilaian yang menyeluruh ke atas semua anggota tentera tetapi sedikit sebanyak dapat membantu kita memahami 'keadaan mereka'.

Dari segi teorinya anggota tentera tidak seharusnya menjadi obes kerana mereka selalu berada di dalam keadaan kemantapan fizikal yang tinggi sesuai dengan

# N KAJIAN PENGETAHUAN SIKAP DAN ANGGOTA TENTERA (TENTERA) OBESITI

Fitri Mohamad

gerak kerja yang aktif dan cergas. Malangnya keadaan sedemikian tidak selalunya benar kerana aktiviti cergas sahaja bukanlah penentu dalam mencapai ukuran berat badan yang diingini. Faktor-faktor genetik dan habit pemakanan yang kurang seimbang akan mengakibatkan kenaikan berat badan. Selain daripada ini faktor-faktor seperti pengetahuan, sikap dan amalan seseorang individu terhadap hal-hal yang berhubungkait dengan kegemukan sedikit sebanyak akan juga memberi kesan dalam pengawalan berat badan mereka.

#### Objektif Kajian

#### Objektif Am

Untuk menilai tahap pengetahuan, sikap dan amalan anggota tentera Darat daripada Kor Polis Tentera sebagai penunjuk untuk merancang/menolong anggota tentera dalam pengawalan berat badan.

#### Objektif Spesifik

Untuk mengkaji ciri-ciri fizikal peserta yang terlibat seperti, jantina, umur, status perkahwinan, kaum, taraf akademik dan pangkat.

Untuk mengkaji samada faktor-faktor pengetahuan, amalan dan sikap menjadi risiko kepada 'Body Mass Index' yang tinggi.


#### Metodologi

#### Subjek

Data yang dikemukakan di dalam lapuran ini didapati daripada soalan kajiselidik dan pengukuran antropometri terhadap 73 orang anggota Kor Polis Tentera di Kem Ulu Yam, Selangor pada bulan Ogos 1989. Responden terdiri daripada kesemua peserta 'Health Farm' yang dipilih dari seluruh Malaysia berdasarkan diagnosa obesiti (menggunakan 'Body Mass Index') di unit masing-masing. Pengukuran antropometri dibuat dihari pertama para peserta melapurkan diri dan diikuti dengan menjawab soalan kajiselidik.


#### Kaedah Antropometri

Bagi pengukuran antropometri, parameter yang digunakan seperti pengukuran berat badan (kilogram) dan ketinggian (meter) ditentukan dengan menggunakan alat penimbang dan pengukur yang standard. Peserta ditimbang dengan pakaian yang paling minima dan bacaan diambil kepada pengukuran 0.1 kilogram yang paling hampir. Ukuran ketinggian juga telah dicatat ke 0.1 sentimeter yang paling hampir. Data berat badan dan tinggi setiap peserta di catat dan dianalisiskan mengikut formula Quetelet Index ( $W^2/H$ ) atau 'Body Mass Index'<sup>7</sup>. Setiap peserta juga diukur lipatan kulit untuk mengira peratus lemak badan dengan menggunakan alat 'Harpenden Skinfold Calipers'. Pengukuran dilakukan di bahagian lengan dan belakang di sebelah kira tubuh




a) Umur

a = 10 - 29 tahun  
 b = 30 - 39 tahun  
 c = 40 - 49 tahun




b) Jantina

L = Lelaki  
 P = Perempuan




c) Status Perkahwinan

a = Kahwin  
 b = Bujang



d) Taraf Akademik

a = STPM  
 b = SPM  
 c = SRP  
 d = DRJH 6



a = Lt  
 b = PW - Sjn  
 c = Kpl - Lkpl

Rajah I. Taburan ciri-ciri fizikal anggota Polis Tentera mengikut Kursus Hidup Sihat di Kem Ulu Yam, Selangor pada tahun 1988.

- Jantina
- Umur
- Status Perkahwinan
- Taraf Akademik
- Pangkat

iaitu di bahagian trisep, bisep, subscapular dan suprailiac. Setiap pengukuran dilakukan tiga kali dan pengukur adalah orang sama<sup>9</sup>.

#### Soalselidik

Setiap peserta diberikan satu borang yang mengandungi soalan-soalan berkenaan diri, perubatan, pemakanan dan jasmani. Peserta dikehendaki menjawab soalan selepas pengukuran anthropometri dan lipatan kulit dilakukan. Mereka dibenarkan menjawab soalan tersebut dalam masa sendiri. Penilaian ke atas pengetahuan pemakanan dikira daripada jawapan-jawapan yang diberikan ke atas beberapa soalan di dalam borang soalselidik. Kesemua soalan yang dikemukakan adalah soalan-soalan yang asas (mengikut penilaian penyelidik) mengenai kegemukan dan pemakanan seperti zat-zat makanan dan kalori. Pembahagian markah dikelaskan mengikut peratusan, di mana setiap jawapan yang betul diberikan 4 markah. Merkah tersebut dibahagikan mengikut baik (100-65%), sederhana (64-45%) dan lemah (44-0%), (mengikut penilaian penyelidik).

#### Keputusan

Kesemua 73 kes yang dikaji dalam penilaian ini telah memberikan keputusan seperti berikut:


#### Keputusan tentang ciri-ciri fizikal.

Ciri-ciri fizikal 60 anggota lelaki dan 13 anggota wanita seperti di Rajah I. Berumur di antara 24 - 47 tahun, dengan ketinggian 1.48 - 1.80 M dan berat badan 56.0 - 109.0 kg. Berdasarkan Quetlet Index, anggota-anggota lelaki dan wanita dikelaskan sebagai obes grade I (A) iaitu (25.0 - 29.9) dan grade II (B) iaitu (30 - 39.9).

Purata lemak badan anggota lelaki golongan A adalah 30.5 dan golongan B adalah 31.8. Manakala anggota wanita golongan A adalah 41.5 dan golongan B adalah 42.1. Keputusan tersebut menunjukkan kesemua peserta mempunyai kandungan peratusan lemak badan yang tinggi.

#### Keputusan tentang taraf pengetahuan berkenaan berat badan, makanan dan hubungannya dengan obesiti.

Rajah II menunjukkan pelbagai pendapat daripada anggota-anggota tentang sebab kegemukan mereka. 52 (50.9%) peserta bersetuju bahawa memakan makanan dengan berlebihan adalah punca utama kegemukan mereka. Ini diikuti dengan pendapat bahawa keturunan juga memainkan peranan dalam pembentukan berat badan mereka 24 (23.5%). Manakala hanya 20 (19.6%) sahaja bersetuju bahawa kegemukan disebabkan oleh kurangnya aktiviti yang dilakukan.



Rajah II Taburan pendapat para anggota tentang punca kegemukan mereka


Data yang didapati juga menunjukkan 60 (82.2%) anggota-anggota menyadari bahawa kegemukan itu membahayakan kesihatan (Jadual I). Daripada jumlah ini seramai 53 (50.0%) menyadari bahawa kegemukan boleh menimbulkan pelbagai penyakit. 42 (39.6%) menyatakan mereka susah bernafas dan mudah merasa penat, manakala hanya 11 (10.4%) sahaja menghubungkan kegemukan dengan jangkamasa hidup (Jadual II).

Jadual I: Bilangan anggota yang mengatakan berat badan itu mendatangkan bahaya kepada kesihatan.

	A	B	JUMLAH	%
Ya	37	23	60	82.2
Tidak	10	3	13	17.8

Jadual II: Masalah yang dikenali oleh anggota-anggota tentang kegemukan mereka

	A	B	JUMLAH	%
Boleh menimbulkan pelbagai penyakit	31	22	53	50.0
Susah bernafas dan mudah merasa penat	28	14	42	39.6
Jangkamasa hidup menjadi lebih pendek	6	5	11	10.4



Rajah III: Taburan pemilihan cara yang sesuai untuk mengurangkan berat badan oleh para anggota.

Rajah III menunjukkan cara-cara yang fikirkan paling sesuai oleh anggota untuk mengurangkan berat badan mereka. Kebanyakan mereka bersetuju dengan saranan bahawa diet dan senaman memainkan peranan dalam usaha mengurangkan berat badan.


Penilaian ke atas pengetahuan pemakanan mendapati bahawa 64 (87.7%) peserta mempunyai tahap pengetahuan pemakanan yang lemah (Jadual III), walaupun seramai 46 (63.0%) peserta mempunyai taraf akademik menengah (Rajah I(e)).

Jadual III: Tahap pengetahuan pemakanan para anggota.

Pengetahuan	A	B	Bil	%
Baik	1	0	1	1.4
Sederhana	3	5	8	10.9
Lemah	56	8	64	87.7

#### Keputusan tentang sikap dan hubungan dengan berat badan yang berlebihan.

Hanya 1.6% sahaja anggota yang telah pergi ke Hospital/Klinik RSAT/PPAT dalam usaha



Rajah IV: Taburan masalah yang dihadapi oleh para anggota yang obes

menyelesaikan masalah kegemukan yang mereka hadapi. 12.7% anggota tidak pernah cuba untuk menguruskan badan. 53.6% daripada para anggota yang tidak pernah cuba untuk menguruskan badan menyatakan sebabnya adalah mereka tidak tahu apa yang perlu dilakukan.

Seramai 88.7% daripada anggota mengetahui bahawa kegemukan itu mendaraskan masalah kepada mereka. Rajah IV menunjukkan taburan masalah yang dihadapi oleh para anggota yang obes. 53.9% daripada mereka menyatakan masalah yang terbesar ia kesusahan melakukan dengan lebih aktiviti-aktiviti bercorak fizikal dan mereka mudah merasa penat apabila melakukan sesuatu tugas (kerja).

Dalam perkara ini mereka telah menyuarakan sikap yang positif di mana kesemua mereka (100%) merasakan perlu mengurangkan berat badan mereka. Persetujuan 100% ini mungkin berdasarkan kepada perasaan bimbang apabila doktor mengatakan berat badan mereka sudah agak berbahaya untuk kesihatan mereka. Sementara 98.5% pula merasa bimbang kerana orang lain selalu mengingatkan mereka tentang berat badan yang bertambah. 86% daripada anggota pula merasa risau apabila mereka memakai pakaian seragam tentara dalam keadaan berat badan yang demikian. Sungguhpun begitu seramai 20.3% daripada anggota tidak merasa khawatir atau bimbang apabila mereka melakukan aktiviti-aktiviti bercorak fizikal dalam regiments.

Jadual IV: Perasaan para anggota dalam keadaan-keadaan tertentu

Situasi	Membimbangkan Membimbangkan	Tidak
a. Apabila memakai pakaian seragam	59 (86.8%)	9 (13.2%)
b. Apabila melakukan aktiviti fizikal dan regimental	51 (79.7%)	13 (20.3%)
c. Apabila orang lain mengingatkan anda tentang berat badan yang bertambah	64 (98.5%)	1 (1.5%)
d. Apabila doktor mengatakan berat badan anda sekarang sudah agak merbahaya untuk kesihatan	65 (100%)	0 (0%)

Jadual V menunjukkan ramai di antara para anggota pernah mendapatkan nasihat atau mencari serba sedikit pengetahuan daripada sumber-sumber tersebut untuk mengawal berat badan mereka.

Jadual V: Sumber-sumber nasihat dan pengetahuan yang diperolehi oleh para anggota untuk mengawal berat badan mereka.

Sumber-sumber	A	B	JUMLAH	%
Doktor	26	11	37	39.8
Dietitian/Nutritionist	5	3	8	8.6
Majallah/Buku	17	6	23	24.7
Filem/TV/Iklan	13	7	20	21.5
Sumber lain	3	2	5	5.4

Di antara sebab-sebab yang mereka fikirkan tidak berjaya dalam usaha untuk menurunkan berat badan mereka ialah kerana aktiviti-aktiviti fizikan dan senaman kurang dibuat (46.0%), 43.7% mengatakan kerana tidak mengikut diet yang dinasihatkan/cadangkan sementara 8.0% daripada anggota menyatakan kesan daripada akibat pemberhentian pengambilan ubat, pil atau makanan berformula.


Keputusan tentang amalan dan hubungannya dengan berat badan yang berlebihan.

Daripada sejumlah 87.3% anggota yang cuba untuk menurunkan berat badan didapati 72% daripada mereka gagal untuk mencapai kejayaan. Manakala yang lainnya mencapai kejayaan yang sedikit dan tidak kekal.


Paling lama 2 - 5 bulan saja. Walaubagaimanapun 51.5% daripada anggota masih lagi mencuba pelbagai jalan/cara untuk menurunkan berat badan, manakala 48.5% tidak lagi meneruskan apa-apa amalan dalam usaha untuk menurunkan berat badan. Pelbagai cara yang telah dinasihatkan (42.0%), melakukan lebih banyak senaman atau aktiviti-aktiviti fizikal (47.0%), dan ada juga yang meneruskan dengan cara memakan pil/ubat atau makanan berformula dalam usaha mereka untuk mencapai kejayaan yang diingini (11.0%).

Dari segi tabiat makan pula, keputusan didapati 48.2% anggota suka makan pada bila-bila masa, tidak kira waktu, hanya 31.8% saja yang makan tetap pada waktu makan yang tertentu. Di antara tabiat lain ialah mereka suka makan makanan ringan di antara masa makan (20.0%), 65.9% daripada anggota tidak memilih makanan kegemaran tertentu sementara 17.1% lebih suka makanan yang pedas dan 12.5% suka makanan yang manis.

Rajah V menunjukkan bahawa dalam bidang kesuknan pula 52 (75.4%) daripada anggota menyatakan yang mereka aktif di dalam sukan. Berdasarkan kekerapan mereka melakukan gerak kerja kesuknanan, didapati 4 (63.3%) sahaja yang menjalankan kegiatan kesuknanan tiap-tiap hari, 44 (68.8%) melakukannya 2-3 kali seminggu, manakala 16 (25.0%) daripada anggota-anggota tidak begitu kerap melakukan kegiatan sukan. (Rajah VI).



Rajah V: Taburan keaktifan para anggota dalam kegiatan kesuknanan.



Rajah VI: Taburan kekerapan para anggota bersukan/bersenam

Di antara kegiatan sukan yang selalu dilakukan adalah Badminton, Bola Tampar, Bola Jaring, Bola Sepak, Berenang, Jogging, Sepak Takraw, PT. Sukan, TTS dan juga senaman aerobik. Apabila diselidiki tujuan mereka melakukan sukan atau senaman tersebut, hampir 45.8% darinya mengatakan sukan atau senaman tersebut, hampir 45.8% darinya mengatakan tujuannya untuk menurunkan berat badan, sementara 44.8% merasakan untuk kesegaran dan kesihatan badan dan 9.4% pula mengatakan kerana mengikut arahan atau jadual tugas harian.

### Perbincangan

